

A woman wearing a pink hijab and glasses is shown in a close-up shot. She has her right hand raised to her face, with her index finger pointing upwards. She is wearing a gold watch on her left wrist. The background features a city skyline with several tall buildings, including a prominent blue skyscraper.

Pesanan Ibu Wizny

Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat

PESANAN
IBU WIZNY

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Diterbitkan oleh:

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

28, Jalan Seri Putra 2/5A,
Bandar Sri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat

Email: rizaatiqrahmat@gmail.com

Pesanan Ibu Wizny

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat 2024

Grafik dan ilustrasi © Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat 2024

ISBN: 978-629-97565-1-4

Edisi Asal: Pertama kali diterbit 2024

Catan kulit: Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat

Dicetak oleh:

Perusahaan Tukang Buku KM,
8, Jalan Puteri 2A/6,
Bandar Puteri, Bangi,
43000 Kajang

Sinopsis

Buku ini ditulis atas saranan imam Fahmi ketika pengebumian Ibu Wizny di tanah perkuburan Bandar Seri Putra. Imam Fahmi menyarankan supaya pesanan-pesanan dan nasihat Ibu Wizny dituliskan untuk manfaat orang kemudian di samping menjadi amal jariah. Ibu Wizny memang sentiasa memberi pesanan semenjak kami kecil hingga hari terakhir kehidupannya pada usia 89 tahun. Kami cuba mengingat dan mencatatkan semua pesanan yang biasa diulang-ulangnya. Terdapat 25 pesanan yang biasa diulang-ulangnya. Biasanya pesanan itu disertai dengan nas al-Quran dan Hadis. Pesanan-pesannya berkaitan dengan akidah, pegangan kepada Islam, akhlak dan sikap berhadapan dengan Masyarakat. Kami mendapati pesanan-pesanan ini amat bermakna dan penting dalam kami menjalani liku-liku kehidupan.

**Kasih ibu sepanjang jalan,
Kasih anak sepanjang galah.**

**Seorang ibu boleh menjaga 10 orang
anak,
10 orang anak belum tentu boleh
menjaga seorang ibu.**

Kandungan

Tajuk	Muka surat
1. Jangan Sekali-kali Menyekutukan Allah	5
2. Beribadah Dengan Betul	8
3. Jagalah Akhlak	12
4. Melawan Hawa Nafsu	14
5. Menjaga Waktu	21
6. Uruslah Pekerjaan Dengan Baik Dan Tersusun	25
7. Berguna Kepada Masyarakat	29
8. Kuatkan Tubuh Badan	31
9. Berpengetahuan Luas Dan Berhikmah	34
10. Sentiasa Berusaha	36
11. Berdoalah, Allah Akan Kabulkan	40
12. Bersyukurlah, Nescaya Allah Tambahkan Lagi Rezeki	43
13. Banyak Berselawat	46
14. Jangan Membazir	48
15. Banyakkan Bersabar	51
16. Mesti Ada Kelebihan	55
17. Bersikap Baik Kepada Orang Yang Tidak Beradab	58
18. Sayangi Ibu Bapa	62
19. Sentiasa Menjaga Keikhlasan	68
20. Hormati Yang Lebih Tua Dan Sayangi Yang Lebih Muda	71
21. Berwawasan dan Bercita-cita Tinggi	73
22. Banyakkan Sedekah dan Infak	77
23. Perbanyakkan Membaca Al-Quran	80
24. Menahan Marah dan Jangan Berdendam	83
25. Menyambung Silaturahim	86

Pendahuluan

Ibu Wizny merupakan emak penulis buku ini. Ia dilahirkan pada 26 September 1933 dan meninggal dunia pada 31 Julai 2023. Beliau mempunyai lima orang anak tetapi seorang telah meninggal dunia ketika di sekolah rendah. Anak-anaknya yang masih hidup; dua orang lelaki dan dua orang perempuan. Suaminya ialah Orang Kaya Rahmat yang telah meninggal dunia pada tahun 1993.

Ibu Wizny sentiasa memberi nasihat kepada anak-anaknya sejak mereka kecil. Bahkan sehingga hari terakhir hidupnya, beliau masih lagi memberi nasihat. Nasihatnya sering disertai nas-nas berupa ayat-ayat al-Quran dan hadis.

Ketika Ibu Wizny dikebumikan di Tanah Perkuburan Bandar Seri Putra, Bangi, Kajang; Imam Fahmi telah menasihati kami supaya menuliskan semua pesanannya. Jadi, tujuan penulisan ini adalah supaya lebih ramai orang mendapat manfaat. Dalam masa yang sama, mudah-mudahan pahala terus mengalir kepada Ibu Wizny asbab pesanannya ini.

Atas nasihat Imam Fahmi, buku kecil ini dihasilkan. Sasaran PEMBACA utama buku ini adalah semua anak, cucu dan cicitnya. Tidak lupa juga kepada bekas murid-muridnya dan sesiapa sahaja yang mempunyai anak, cucu dan cicit.

1 JANGAN SEKALI-KALI MENYEKUTUKAN ALLAH

Apabila melihat orang menyembah berhala atau patung, ingatlah bahawa dalam agama kita, perbuatan itu merupakan salah satu dosa besar. Amalan tersebut merupakan perbuatan yang menyirikkan Allah.

Tuhan kita hanya satu, iaitu Allah. Dalam al-Quran ada diceritakan berkenaan orang-orang Yahudi yang telah diselamatkan Allah daripada Firaun. Ketika mereka berjalan menuju Sinai, mereka terpandang orang yang menyembah berhala. Lalu mereka meminta Nabi Musa supaya membuatkan berhala untuk disembah. Lalu Nabi Musa berkata,

“Sesungguhnya mereka (penyembah-penyembah berhala itu), akan dihancurkan apa yang mereka berada di dalamnya (dari perbuatan syirik), dan tetaplah salahnya apa yang mereka kerjakan itu. Patutkah aku mencari tuhan untuk kamu selain daripada Allah, padahal Ia telah melebihkan kamu atas sekalian manusia (yang sezaman dengan kamu, dengan berbagai nikmat yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu)?

Dan (Tuhan berfirman): Ingatlah ketika Kami selamatkan kamu dari Firaun dan kaumnya, yang menyiksa kamu dengan azab seksa yang seberat-berat dan seburuk-buruknya; mereka membunuh anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; dan (ingatlah bahawa) yang demikian itu mengandungi cubaan yang besar dari Tuhan kamu.” (Al-A’raf: 139-141)

Namun tidak lama selepas itu, ketika Nabi Musa ke Bukit Tursina, salah seorang dari orang-orang Yahudi itu yang bernama Samiri, telah membuat patung lembu emas untuk disembah. Mereka menyembah patung lembu itu walaupun telah diberi peringatan berkali-kali oleh

Nabi Harun. Setelah Nabi Musa kembali, baginda sangat murka lalu menghalau Samiri dan memusnahkan patung lembu itu.

Mengesakan Allah amat penting sehingga kita diperintahkan supaya memberikan ikrar sekurang-kurangnya lima kali sehari:

إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

“Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam.” (Al-An’am: 162)

Allah juga mengingatkan kita supaya sentiasa ingat, bahawa segala amalan kita boleh menjadi sia-sia jika menyekutukan-Nya.

Firman Allah:

لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

“Demi sesungguhnya! Jika engkau mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi.” (Al-Zumar: 65)

Ingatlah bahawa Tuhan kita, Allah, tidak beranak dan tidak diperanakkan.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ١

اللَّهُ الصَّمَدُ ٢

لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ٣

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ٤

Katakanlah (Wahai Muhammad):

"(Tuhan ku) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; dan tidak ada sesiapaupun yang serupa dengan-Nya." (Al-Ikhlâs: 1-4)

2 BERIBADAH DENGAN BETUL

Ingatlah bahawa tujuan hidup kita adalah untuk beribadah kepada Allah. Maksud ibadah adalah pengabdian kepada Allah. Asas kepada ibadah itu ialah solat. Sebab itu Rasulullah ﷺ mengarahkan supaya semenjak kanak-kanak lagi mesti dididik mengerjakan solat. Perhatikan hadis dalam riwayat berikut:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ
ص. مُرُّوا صِبْيَانَكُمْ بِالصَّلَاةِ لِسَبْعِ سِنِينَ وَ اضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا
لِعَشْرِ سِنِينَ وَ فَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ. احمد و ابو داود، في
نيل الاوطار

Dari ‘Amr bin Syu’aib, dari ayahnya, dari datuknya, ia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Suruhlah anak-anak kecilmu melakukan solat pada (usia) tujuh tahun, dan pukullah mereka (bila lalai) atasnya pada (usia) sepuluh tahun, dan pisahkanlah mereka pada tempat-tempat tidur.” (Ahmad dan Abu Dawud)

Dalam al-Quran, terdapat satu cerita mengenai Luqman, iaitu seorang lelaki yang mempunyai pengetahuan dan hikmah yang luas. Beliau hidup lebih kurang 1000 tahun Sebelum Masihi. Beliau berpesan kepada anaknya bahawa setiap perbuatan baik atau buruk, walau sekecil manapun, akan dicatatkan oleh Allah. Beliau turut mengingatkan anaknya itu supaya mengerjakan solat.

Firman Allah:

يَا بُنَيَّ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِنْتَقَالِ حَبَّةٍ مِنْ حَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي
السَّمَاوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ

يَا بُنَيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ
عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

(Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anakku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit ataupun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalas-Nya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuan-Nya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

"Wahai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya." (Luqman: 16 – 17)

Allah juga berfirman,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

"TidakKu ciptakan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepada-Ku." (Al-Dharyat: 56)

Ibadah ini amat penting kerana itulah tujuan kita diciptakan oleh Allah SWT. Akan tetapi ibadah itu mestilah mengikut kaedah dan cara yang betul supaya dapat dikira sebagai amal soleh. Amal ibadah yang tidak betul akan menjadi sia-sia. Allah telah menjelaskan bahawa kehidupan semua orang adalah rugi dan sia-sia jika mereka tidak beramal soleh. Amal-amal ibadah yang dilakukan haruslah dengan ikhlas dan mengikut peraturan yang betul.

Firman-Nya:

وَالْعَصْرِ
إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ
إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا
بِالصَّبْرِ

“Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.” (Al-Asr: 1-3)

Apabila kita bercakap tentang ibadah, pernahkah kalian mendengar hadis Jibril? Dalam hadis ini, Jibril datang berupa manusia untuk menerangkan bahawa ibadah yang paling tinggi darjatnya adalah jika ibadah tersebut mencecah aras ihsan. Jibril datang dengan menyamar sebagai seorang manusia untuk menjelaskan makna ihsan itu.

قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ،

قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Jibril berkata kepada Rasulullah ﷺ, “Terangkan padaku tentang ihsan.”

Jawab Rasulullah ﷺ, “Ihsan adalah keadaan apabila engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatnya, jika engkau tidak melihatnya maka Dia melihat engkau.”

Kemudian Jibril pun berlalu dan sahabat-sahabat yang ada di sekeliling Rasulullah ﷺ terdiam sebentar.

Kemudian baginda (Rasulullah) bertanya:

“Tahukah engkau siapa yang bertanya?”

Umar berkata, “Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui”.

Rasulullah ﷺ bersabda, “Dia ialah Jibril, yang datang kepada kalian untuk mengajarkan agama kalian”. (Muslim)

Situasi ini menunjukkan bahawa **pendidikan** seharusnya menghasilkan orang-orang yang menjadikan hidupnya sebagai ibadah, yakni dengan menjadikan semua amalannya sebagai amal soleh serta yakin bahawa Allah sentiasa memerhatikannya.

3 JAGALAH AKHLAK

Jagalah akhlak kerana akhlak yang baik menggambarkan kemuliaan seseorang. Luqman al-Hakim meninggalkan banyak nasihat kepada anaknya berkenaan akhlak mulia. Bermula dengan tidak mensyirikkan Allah, menunaikan solat, berbuat baik kepada ibu bapa, bersyukur, sentiasa menghisab diri kerana segala perbuatan walau sekecil manapun dan tersembunyi tetap diketahui Allah.

Beliau turut menyebutkan bahawa, termasuk dalam akhlak yang baik itu adalah menyeru kepada kebaikan, melarang kemungkar dan bersabar ketika ditimpa bala. Kesemua nasihat ini mestilah diambil berat dan diberi keutamaan. Nasihat-nasihat Luqman ini telah diabadikan oleh Allah dalam al-Quran dalam surah Luqman.

Luqman juga berpesan kepada anaknya:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

وَاقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri."

"Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai." (Luqman: 18-19)

Mengikut sunah, terdapat banyak contoh yang praktikal mengenai akhlak kerana semua tingkah laku Rasulullah ﷺ adalah akhlak yang agung.

Allah berfirman:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

"Dan sesungguhnya kamu benar-benar memiliki akhlak yang agung." (Al-Qalam: 4)

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik." (Al-Ahzab: 21)

4 MELAWAN HAWA NAFSU

Kini kalian sudah bekerja. Sudah mula berhadapan dengan wang yang boleh menggoda untuk cepat kaya. Kalian juga akan berjumpa dengan orang-orang yang cantik dan tampan yang bisa menarik kalian ke jalan yang salah. Perhatikan, banyak orang hebat yang tersungkur kerana tidak dapat mengawal hawa nafsu mereka akibat godaan wang atau kecantikan orang.

Lihatlah Enron, sebuah syarikat gergasi yang berpangkalan di Houston, Texas, Amerika Syarikat, yang ditubuhkan pada tahun 1985 hasil daripada gabungan dua buah syarikat.

Tumpuan perniagaannya adalah dalam bidang gas asli, tenaga elektrik, komunikasi dan kertas. Ketika di puncak, jumlah pekerjaanya sebanyak 29,000 orang dengan pendapatan US\$101 bilion pada tahun 2000. Majalah Fortune telah menamakan syarikat itu sebagai syarikat yang paling inovatif selama enam tahun berturut-turut.

Akan tetapi di sebaliknya, sebahagian eksekutif syarikat telah membuat berbagai-bagai cara akaun yang 'kreatif' yang hanya memberi keuntungan kepada diri mereka sendiri dan menutup kesalahan yang dilakukan. Natijahnya, syarikat gergasi itu diisytiharkan muflis pada tahun 2004. Akibatnya pemegang saham kehilangan US\$ 74 bilion dan beribu-ribu pekerja hilang pekerjaan.

Ini kisah Barings Bank pula. Bank ini ialah sebuah bank saudagar yang mula beroperasi pada tahun 1762. Bank ini mempunyai sejarah yang panjang, termasuklah menolong kerajaan British semasa Perang Dunia

Kedua dahulu dengan mencairkan harta-harta kerajaan di Amerika Syarikat.

Bank ini mempunyai cawangan di Singapura. Cawangan ini nampaknya sangat menguntungkan dengan kebijaksanaan ketuanya menguruskan akaun. Malangnya pada tahun 1995, Barings Bank runtuh akibat penyelewengan pegawainya di Singapura dengan kerugian sebanyak £827 juta.

Satu lagi keruntuhan institusi kewangan yang besar ialah Lehman Brothers Holding Inc. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1847. Sebelum mufliis, institusi ini mempunyai 25,000 orang pegawai di seluruh dunia.

Syarikat ini terpaksa memfailkan mufliis pada tahun 2008 secara tiba-tiba. Dengan menggunakan kaedah-kaedah akaun yang 'kreatif' dan instrumen-instrumen yang 'inovatif', syarikat ini nampaknya sangat berjaya, sebaliknya institusi ini sudah mengalami kerugian yang besar.

Apabila pelabur dan penyimpan wang maklum dengan keadaan ini, mereka panik lantas bertindak mengeluarkan wang masing-masing. Kesannya bukan sahaja kepada Lehman Brothers tetapi juga kepada institusi-institusi kewangan yang lain.

Presiden George W. Bush telah cuba menyuntik dana dan rangsangan kewangan tetapi tiada hasil. Penyimpan masih lagi mengeluarkan wang mereka dari bank dan takut berbelanja kerana bimbang dengan keadaan ekonomi masa depan. Keadaan ini telah menimbulkan kegawatan ekonomi Amerika Syarikat dan negara-negara yang banyak berdagang dengan negara itu.

Mari kita undur beberapa tahun ke belakang. Presiden Bill Clinton adalah Presiden Amerika Syarikat yang ke-42 yang memerintah dari tahun 1993 hingga 2001. Pada tahun 1995 hingga 1996, seorang

wanita bernama Monica Lewinsky telah menjalani latihan di Rumah Putih selepas bergraduat dalam Sarjana Muda Psikologi. Kemudian pada tahun 1996, Monica telah menjadi pegawai tetap di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Rumah Putih. Pada tahun 1998, tersebar berita bahawa Presiden Clinton menjalinkan hubungan intim dengan Monica. Pada awalnya Clinton menafikan tetapi kemudian beliau mengakuinya dan memohon maaf. Perbuatan ini menyebabkan beliau hampir-hampir dipecat daripada jawatan presiden.

Ini adalah contoh bagaimana hawa nafsu yang tidak terkawal mampu menyebabkan syarikat gergasi terpaksa gulung tikar lalu menjejaskan pengurusan sesebuah negara. Sehubungan dengan perkara ini, Allah berfirman:

رُئِيَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ
الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ
وَالْحَرثِ ۗ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ

“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).” (Ali Imran: 14)

Mari kita lihat pula sikap Nabi Sulaiman ketika mendapat hadiah yang banyak dari Ratu Balqis, iaitu seorang ratu dari Saba'. Baginda menolak pemberian tersebut serta-merta. Dalam al-Quran disebutkan seperti berikut:

فَلَمَّا جَاءَ سُلَيْمَانَ قَالَ أَتُمِدُّونَنِ بِمَالٍ فَمَا آتَانِيَ اللَّهُ خَيْرٌ مِّمَّا آتَاكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بِهَدْيِكُمْ تَفْرَحُونَ

ارْجِعْ إِلَيْهِمْ فَلَنَأْتِيَنَّهُمْ بِجُنُودٍ لَا قِبَلَ لَهُمْ بِهَا وَلَنُخْرِجَنَّهُمْ مِنْهَا أَذِلَّةً وَهُمْ صَاغِرُونَ

"Maka apabila (utusan pembawa hadiah Ratu Balqis) datang mengadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman (kepadanya): "Tidaklah patut kamu memberikan kepada ku pemberian harta-benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik dari apa yang telah diberikan-Nya kepada kamu; (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan hanya kekayaan yang dihadihkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah)."

"Kembalilah kepada mereka, (jika mereka tidak juga mahu beriman) maka demi sesungguhnya Kami akan mendatangi mereka dengan angkatan tentera yang mereka tidak terdaya menentanginya, dan kami akan mengeluarkan mereka dari negeri Saba' dengan keadaan hina, menjadi orang-orang tawanan." (An-Naml: 36-37)

Nabi Yusuf pula telah menunjukkan sikap yang terpuji ketika baginda digoda oleh wanita cantik dan berkedudukan. Tindakan baginda disebutkan dalam al-Quran seperti berikut:

وَرَأَوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَن نَّفْسِهِ وَغَلَّقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ ۖ قَالَ مَعَادَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ ۗ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ

وَأَقْدَ هَمَّتْ بِهِ ^طوَهَمَّ بِهَا لَوْلَا أَنْ رَأَى بُرْهَانَ رَبِّهِ ^عكَذَلِكَ
لِنَصْرِفَ عَنْهُ السُّوءَ وَالْفَحْشَاءَ ^عإِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ
وَاسْتَبَقَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُ مِنْ دُبُرٍ وَأَلْفَا سَيِّدَهَا لَدَى الْبَابِ ^ع
قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
قَالَ هِيَ رَاوَدَتْنِي عَنْ نَفْسِي ^عوَشَهِدَ شَاهِدٌ مِنْ أَهْلِهَا إِنْ كَانَ
قَمِيصُهُ ^عفُذِّ مِنْ قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ الْكَاذِبِينَ
وَإِنْ كَانَ قَمِيصُهُ ^عفُذِّ مِنْ دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ الصَّادِقِينَ
فَلَمَّا رَأَى قَمِيصَهُ ^عفُذِّ مِنْ دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُ مِنْ كَيْدِكُنَّ ^طإِنَّ كَيْدَكُنَّ
عَظِيمٌ

"Dan perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya; dan perempuan itu pun menutup pintu-pintu serta berkata: "Marilah ke mari, aku bersedia untukmu". Yusuf menjawab: "Aku berlindung kepada Allah (dari perbuatan yang keji itu); sesungguhnya Tuhanku telah memuliharaku dengan sebaik-baiknya; sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya".

"Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan dari Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya ia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa".

“Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu, serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): Tidak ada balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isterimu melainkan dipenjarakan dia atau dikenakan azab yang menyeksanya”.

“Yusuf pula berkata: “Dialah yang memujukku berkehendakkan diriku”. (Suaminya tercengang mendengarnya) dan seorang dari keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberi pendapatnya dengan berkata:” “Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf dari orang-orang yang dusta”.

Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu, dan Yusuf adalah dari orang-orang yang benar”.

Setelah suaminya melihat baju Yusuf koyak dari belakang, berkatalah ia, “Sesungguhnya ini adalah dari tipu daya kamu orang-orang perempuan; sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar.”

(Yusuf: 23- 28)

Pada hari ini, banyak skandal seks dan rasuah berlaku dan tersebar dalam berita arus perdana. Ada yang telah disabitkan kesalahan dan ada juga yang tidak dapat disabitkan. Hal sebegini telah menyebabkan banyak kerosakan dalam masyarakat. Oleh itu, kalian perlu senantiasa berwaspada dan berhati-hati agar tidak terjebak dengan hawa nafsu yang melampaui batas.

Sehubungan dengan perkara ini, Rasulullah ﷺ bersabda:

"الْمُجَاهِدُ مَنْ جَاهَدَ نَفْسَهُ فِي اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ"

"Orang yang berjihad adalah orang yang memerangi nafsunya pada jalan Allah." (Hadis Hasan Sahih Riwayat At-Tirmidzi, At-Thabrani, Ibnu Hibban dan Al-Hakim, dari Fadhullah bin Ubaid)

5 MENJAGA WAKTU

Waktu itu seperti pedang. Jika kalian tidak memotongnya maka masa yang akan memotong kalian. Jika kalian tidak sibuk dengan kebaikan, waktu yang akan menyibukkan kalian dengan keburukan. Ini ialah pepatah Arab yang kalian perlu ingat.

Dalam al-Quran, ada kisah Nabi Sulaiman yang sangat prihatin dengan waktu. Baginda telah menyediakan jadual perhimpunan semua jentera kerajaannya. Suatu hari, apabila perhimpunan dimulakan, didapati burung hudhud tiada. Peristiwa ini dinyatakan dalam al-Quran seperti berikut:

وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَا أَرَى الْهُدُودَ أَمْ كَانَ مِنَ الْغَائِبِينَ
لَأُعَذِّبَنَّهُ عَذَابًا شَدِيدًا أَوْ لَأَذْبَحَنَّهُ أَوْ لِيَأْتِيَنِّي بِسُلْطَانٍ مُّبِينٍ

"Dan (setelah itu) Nabi Sulaiman memeriksa kumpulan burung (yang turut serta dalam tenteranya) lalu berkata: "Mengapa aku tidak melihat burung hudhud? Adakah ia dari mereka yang tidak hadir?"

"Demi sesungguhnya! Aku akan menyeksanya dengan seksa yang seberat-beratnya, atau aku akan menyembelihnya, kecuali ia membawa kepadaku alasan yang terang nyata (yang membuktikan sebab-sebab ia tidak hadir)." (An-Naml: 20-21)

Nabi Sulaiman juga inginkan setiap tugas dalam kerajaannya dijalankan dengan secepat mungkin. Baginda biasanya akan bertanya

siapakah yang boleh menyelesaikan sesuatu tugas itu paling cepat.
Dalam al-Quran ada menyebutkan:

قَالَ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ أَيُّكُمْ يَأْتِينِي بِعَرْشِهَا قَبْلَ أَنْ يَأْتُونِي
مُسْلِمِينَ

قَالَ عِفْرِيتٌ مِنَ الْجِنِّ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ تَقُومَ مِنْ
مَقَامِكَ ۖ وَإِنِّي عَلَيْهِ لَقَوِيٌّ أَمِينٌ

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَّ
إِلَيْكَ طَرْفُكَ ۚ فَلَمَّا رآه مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ قَالَ هَذَا مِنْ فَضْلِ
رَبِّي لِيُبْلُوَنِي أَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ ۖ وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ
لِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيمٌ

"Nabi Sulaiman berkata kepada pembesar-pembesarnya, "Wahai pegawai-pegawainya, siapakah di antara kamu yang dapat membawa kepadaku singgahsananya sebelum mereka (rombongan Ratu Balqis) datang menghadapku dalam keadaan berserah diri memeluk Islam?"

Berkatalah Ifrit daripada golongan jin, "Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu, dan sesungguhnya aku amatlah kuat gagah untuk membawanya, lagi amanah".

"Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah, "Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata." Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, berkatalah baginda, "Ini ialah daripada limpah kurnia Tuhanku, untuk menguji adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan

nikmat pemberian-Nya. Dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah". (An-Naml: 38-40)

Masa adalah sangat terhad dan tidak dapat diganti. Jika tidak dimanfaatkan, ia akan hilang buat selama-lamanya. Allah berfirman:

وَالْعَصْرِ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ

"Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."

Lakukanlah amal soleh, untuk mengelakkan diri daripada kerugian akibat masa yang hilang. Amal soleh adalah sebarang amalan yang dilakukan dengan ikhlas semata-mata kepada Allah dan selari dengan syariat Allah. Lebih banyak amal soleh yang dilakukan, semakin banyak bekalan yang boleh dibawa ke akhirat. Sehubungan dengan ini, Rasulullah ﷺ bersabda:

نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

"Dua hal yang banyak orang tertipu di dalamnya, iaitu kesihatan dan waktu luang." (Bukhari)

Rasulullah ﷺ pernah menasihati seorang lelaki.

“Gunakan lima perkara sebelum lima; masa mudamu sebelum masa tuamu, masa sihatmu sebelum masa sakitmu, masa kayamu sebelum masa kefakiranmu, masa luangmu sebelum masa sibukmu, dan masa hidupmu sebelum kematianmu.” (Hadis Hasan Riwayat Hakim)

Semua orang mempunyai masa yang sama, iaitu 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Namun ada orang yang boleh melakukan banyak perkara, ada pula yang sentiasa rasa tidak cukup masa. Kita hendaklah peka terhadap waktu dan cuba mengoptimumkan masa yang ada dengan hal yang bermanfaat.

6 URUSLAH PEKERJAAN DENGAN BAIK DAN TERSUSUN

Kita berhadapan bebanan kerja yang perlu disiapkan setiap hari. Semua kerja itu mesti dilakukan dengan baik supaya hasilnya juga baik. Setiap kerja ini perlu disusun rapi supaya dapat dijalankan dengan lebih cekap dan cepat. Sediakan jadual kerja untuk melancarkan urusan.

Nabi Yusuf merupakan contoh pemimpin yang melakukan kerja yang cemerlang dan kemas. Dalam al-Quran, Allah menceritakan mengenai baginda yang telah dilantik sebagai individu yang bertanggungjawab ke atas urusan perbendaharaan kerajaan Mesir. Tanggungjawabnya amat besar kerana Mesir akan mengalami tujuh tahun kemarau yang boleh melumpuhkan ekonomi kerajaan. Apabila baginda memegang jawatan itu, baginda telah menetapkan dasar dan undang-undang supaya rakyat bercucuk tanam dengan agresif selama tujuh tahun sebelum kemarau panjang melanda. Hasil pertanian itu nanti akan digunakan seminumum mungkin manakala selebihnya akan disimpan.

Dalam masa yang sama, baginda turut membina gudang-gudang yang mampu menyimpan makanan selama tempoh tujuh tahun. Perancangan baginda sangat rapi dan pelaksanaannya sangat tersusun sehingga tiada makanan yang terbazir. Gerak kerja Nabi Yusuf yang tersusun itu menyebabkan kerajaan dan rakyat Mesir berjaya menghadapi situasi kemarau selama tujuh tahun itu dengan baik. Bahkan penduduk dari luar seperti Palestin turut datang ke Mesir untuk mendapatkan bantuan.

Rasulullah ﷺ bersama sahabat-sahabatnya juga merupakan penyusun dan pengurus sebuah kerajaan besar yang berwibawa. Ketika hayat

baginda, baginda telah menguruskan sebuah kerajaan yang meliputi seluruh semenanjung tanah Arab. Semasa zaman pemerintahan Umar, kerajaan Islam telah meliputi kawasan hingga ke Iraq, Parsi, Palestin, Jordan, Syria, Mesir dan Libya.

Mari kita perhatikan sahabat-sahabat yang menyertai dakwah Rasulullah ﷺ ketika masih muda belia. Sebagai contoh, Zaid bin Tsabit. Zaid adalah sahabat Ansar, orang Madinah. Ketika Perang Badar berlaku, usianya baru 11 tahun tetapi Zaid sangat ingin turut serta berperang. Rasulullah ﷺ menolak permintaannya untuk menyertai perang kerana umur minimum yang dibenarkan ialah 15 tahun.

Bapa Zaid meninggal dunia ketika usianya 5 tahun. Kedudukannya sebagai anak yatim tidak menghalangnya untuk belajar. Zaid mendalami ilmu al-Quran dan menghafalnya. Seterusnya beliau menjadi penulis wahyu dan penulis surat Rasulullah ﷺ kerana bimbang penterjemah menokok tambah surat Rasulullah. Beliau telah mempelajari Bahasa Suryani (Aramaic) dan Bahasa Ibrani (Hebrew) yang banyak digunakan oleh orang-orang Kristian dan Yahudi ketika itu untuk memudahkan urusan penulisannya. Zaid sangat teliti dalam pekerjaannya hingga Saidina Abu Bakar melantiknya sebagai Bendahari Kerajaan.

Saidina Abu Bakar juga menyerahkan tanggungjawab kepada Zaid untuk menguruskan pengumpulan al-Quran. Semasa zaman pemerintahan Saidina Umar, Zaid meneruskan jawatannya. Semasa Saidina Umar menunaikan haji, beliau melantik Zaid sebagai pemangku khalifah.

Semasa zaman pemerintahan Saidina Usman, Zaid dilantik menjadi pengurus Baitul Mal di samping memangku jawatan khalifah ketika

Saidina Usman menunaikan haji. Bayangkan hebatnya seorang anak muda diberi tanggungjawab seberat itu.

Seorang lagi sahabat Rasulullah ﷺ yang memeluk Islam ketika masih muda ialah Muaz bin Jabal. Muaz berusia 18 tahun ketika itu. Beliau adalah sahabat Ansar dan telah menyertai Rasulullah ﷺ sebelum Bai'ah al-Aqabah (Perjanjian Aqabah) yang kedua.

Rasulullah ﷺ telah melantiknya sebagai Gabenor Yaman sekaligus menjadi pengutip zakat, hakim dan guru. Bayangkan anak muda yang baru menginjak usia dewasa memikul tugas berat untuk menguruskan sebuah negara (Yaman).

Saad bin Abi Waqqas juga merupakan sahabat yang masih muda ketika menyertai dakwah Rasulullah ﷺ. Usianya pada waktu itu baru mencecah 17 tahun. Semasa zaman pemerintahan Saidina Umar, Saad telah ditugaskan untuk membina Kota Basrah di Iraq. Saidina Umar turut melantiknya sebagai ketua tentera Islam untuk melawan Parsi yang sangat gagah pada waktu itu. Akhirnya tentera Islam berjaya mengalahkan dan menumbangkan kerajaan Parsi.

Usamah bin Zaid juga antara anak muda yang menyertai dakwah Rasulullah ﷺ. Ketika umur Usamah 18 tahun, beliau telah dilantik sebagai panglima perang untuk melawan Byzantine di sempadan Syam. Ketika Usamah memulakan perjalanan, Rasulullah ﷺ wafat dan beliau terpaksa menanggungkan perjalanan. Apabila Saidina Abu Bakar dilantik sebagai khalifah setelah kewafatan Rasulullah, beliau tetap memerintahkan Usamah meneruskan perjalanan ke Syam.

Anak muda ini bukan calang-calang orangnya. Latihan yang diberi oleh Rasulullah ﷺ telah menjadikannya seorang pemimpin yang cekap menyusun strategi untuk pasukan tentera. Akhirnya umat Islam berjaya menawan wilayah Balqa di Syam.

Berkenaan kerja yang kemas dan tersusun, Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ
مَّرْصُومٌ

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.” (As-Saff: 4)

7 BERGUNA KEPADA MASYARAKAT

Jadilah kalian orang yang berguna kepada masyarakat. Janganlah sekali-kali menjadi beban. Lihatlah keperibadian Ismail Al-Jazari. Beliau yang telah dilahirkan di Diyarbakir, Turki pada tahun 1136M merupakan seorang jurutera yang banyak berjasa kepada masyarakat.

Ketika beliau meninggal dunia pada tahun 1206, beliau telah mencipta lebih kurang 100 jenis alat kejuruteraan. Beliau turut mengarang Kitab fi Makrifat al-Hiyal al-Handasiyah, yang menerangkan ilmu kejuruteraan.

Beliau turut mencipta sistem pam yang digerakkan oleh kuasa daripada kincir air untuk membekalkan air ke hospital dan masjid di Diyarbakir. Sistem ini banyak menggunakan gear untuk memindahkan kuasa daripada kincir air ke pam. Pada hari ini, kewujudan pam air mungkin perkara biasa, tetapi pada masa itu, inilah ciptaan yang amat hebat kerana ia yang pertama diciptakan. Begitu juga sistem gear dari kincir air yang berpusing disebabkan terjahannya air. Ciptaannya ini telah memberi manfaat yang besar kepada hospital dan orang-orang yang hendak berpuasa di masjid.

Kemudian beliau telah menaik taraf sistem pam rekaannya dengan menggunakan rantai timba. Seterusnya sistem pam tersebut diubah suai lagi dengan menggunakan kaedah sedutan piston pula. Semua sistem pam rekaannya digerakkan dengan kuasa hidro, iaitu kuasa yang dihasilkan oleh kincir air. Menyusul selepas itu, sistem jaringan paip bekalan air untuk kegunaan orang ramai dan tujuan pertanian.

Satu lagi ciptaannya yang signifikan ialah alat kawalan kelajuan kincir air. Kelajuan kincir air biasanya bergantung kepada kelajuan dan banyaknya air mengalir. Ketika musim hujan, air yang mengalir deras

boleh merosakkan kincir dan alat-alat lain yang bergantung padanya. Lalu Al-Jazari telah mereka cipta sejenis alat supaya kelajuan kincir seragam.

Setelah berjaya menyeragamkan kelajuan kincir, beliau mencipta 'jam raksasa' pula. Pada zaman itu, tidak banyak orang yang memiliki jam seperti sekarang. Oleh itu, 'jam raksasa' ini amat penting. Bahkan ciptaan ini sangat terkenal pada zaman itu untuk merujuk waktu.

'Jam raksasa' ini turut dikenali sebagai jam gajah, kerana jam ini terdiri daripada sebuah jam air yang berkuasa pemberat dalam bentuk sebuah gajah. Pada suatu ketika, diperhatikan setiap bandar akan ada sekurang-kurangnya sebuah menara jam besar.

Perhatikan sabda Rasulullah ﷺ ini:

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ . (رواه الطبراني عن جابر)

"Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain." (Hadis Hasan Riwayat Ath-Thabarani dari Jabir a.s.)

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ مَثَلُ النَّخْلَةِ مَا أَخَذَتْ مِنْهَا مِنْ شَيْءٍ نَفَعَكَ .

"Perumpamaan seorang mukmin adalah seperti sebatang pokok kurma. Apapun yang kamu ambil daripadanya akan memberi manfaat kepadamu." (Hadis Hasan Riwayat Ath-Thabarani dari Ibnu Umar r.a.)

8 KUATKAN TUBUH BADAN

Jaga kesihatan dengan lakukan senaman dan bersukan supaya kuat tubuh badan. Bukankah sebab utama Allah melantik Talut menjadi raja bagi orang-orang Yahudi disebabkan ilmunya yang luas disertai kekuatan jasmani?

Nabi Syuib pula mengambil Nabi Musa bekerja kerana kekuatan tubuh badan selain sikap amanah baginda. Ini menunjukkan kekuatan tubuh badan sangat penting dalam Islam. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran dalam kisah Talut dan Nabi Musa.

Rasulullah ﷺ pernah bersabda:

"Segala sesuatu yang tidak mengandungi zikirullah padanya, maka itu adalah kesia-siaan dan main-main kecuali empat perkara; iaitu senda gurau suami dengan isterinya, melatih kuda, berlatih memanah dan mengajarkan renang." (Hadis Riwayat An-Nasai)

Rasulullah ﷺ dan para sahabat juga biasa berlari. Bahkan baginda selalu berlumba lari dengan isterinya, Aisyah.

Diceritakan oleh Aisyah r.a.:

"Rasulullah ﷺ mendahului, kemudian aku mendahului beliau, begitulah seterusnya. Hingga saat badanku sudah gemuk, kami pernah berlumba dan beliau yang memenangi perlumbaan itu. Kata beliau, "Kemenangan kali ini merupakan balasan atas kekalahan yang lalu." (Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Dalam sebuah hadis lain oleh Riwayat Abu Daud, diceritakan bahawa Rasulullah ﷺ pernah bergusti dengan seorang jaguh yang terkenal

iaitu Rukanah. Baginda bukan bergusti sekali malahan dikatakan sekurang-kurangnya tiga kali.

Sukan memanah juga banyak disebut dalam hadis-hadis sahih. Di samping itu, bermain pedang juga merupakan sukan yang biasa dilakukan pada zaman Rasulullah ﷺ . Bahkan dalam hadis Riwayat Bukhari dan Muslim, sukan ini dilakukan dalam Masjid Nabawi.

Selain itu, baginda juga biasa dengan sukan berkuda. Dalam sebuah hadis Riwayat Muslim, Rasulullah ﷺ mengadakan perlumbaan kuda dan memberi hadiah kepada pemenangnya.

Semua contoh ini menunjukkan betapa pentingnya kekuatan tubuh badan atau jasmani. Kekuatan tubuh badan juga termasuk kekuatan melawan penyakit. Jika sakit, dapatkan rawatan. Berusahalah menjaga makan minum dan hak-hak badan yang lain untuk kekal sihat.

Nabi Ibrahim ada meninggalkan satu doa penting yang patut kita amalkan iaitu:

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ
وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ
وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ
وَالَّذِي يُمَيِّتُنِي ثُمَّ يُحْيِينِ
وَالَّذِي أَطْمَعُ أَنْ يَغْفِرَ لِي خَطِيئَتِي يَوْمَ الدِّينِ

"Tuhan yang menciptakan daku (dari tiada kepada ada), maka Dialah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku;

Dan Tuhan yang Dialah jua memberiku makan dan memberi minum,

Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku;

Dan (Dialah) yang mematikan daku, kemudian Dia menghidupkan daku;

Dan (Dialah) yang aku harap-harapkan supaya mengampunkan dosaku pada hari kiamat.” (Al-Syu’ara: 78 - 82)

9 BERPENGETAHUAN LUAS DAN BERHIKMAH

Masih ingatkah kita sebab utama Allah melantik Talut menjadi raja? Ya, kerana Talut mempunyai pengetahuan yang luas dan tubuh badan yang kuat. Pengganti Talut ialah Nabi Daud. Antara kelebihan Nabi Daud adalah pengetahuan mengenai kitab dan hikmah.

Nabi Ibrahim pernah berdoa:

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَأَلْحِنِّي بِالصَّالِحِينَ

"Wahai Tuhanku, berikanlah aku hikmah dan gabungkanlah aku dengan orang-orang yang soleh". (Al-Syu'ara: 83)

Mari kita lihat seorang lagi sahabat Rasulullah ﷺ yang berpengetahuan luas ketika masih muda. Namanya Abdullah ibnu Abbas, iaitu sepupu Rasulullah ﷺ, yang lahir tiga tahun sebelum hijrah. Sejak kecil, Abdullah sangat hampir dengan baginda. Secara tidak langsung, beliau mendapat pendidikan terus daripada Rasulullah ﷺ. Baginda pernah solat sambil mendukung Abdullah semasa beliau masih kecil. Ketika Rasulullah ﷺ wafat, Abdullah baru berusia 13 tahun tetapi telah mempunyai pengetahuan agama yang luas. Ketika zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar, Abdullah teruskan belajar dan mengajar. Jika beliau mengajar di rumah, halaman rumahnya penuh dengan manusia walaupun ketika itu usianya masih muda.

Ketika zaman pemerintahan Saidina Umar, beliau selalu meminta nasihat daripada Abdullah. Umar menyifatkannya sebagai seorang pemuda yang matang. Bahkan setiap kali Umar memanggil sahabat-

sahabat lain dengan nama yang lebih besar, beliau turut menjemput Abdullah.

Dalam suatu mesyuarat, Abdul Rahman bin Auf bertanya kepada Umar, “Kenapakah engkau bawa anak ini duduk bersama kita? Diakan seperti anak-anak kita?”

Lalu Umar menjawab, “Sebabnya, kau pun tahu apa yang dia tahu.”

Saad bin Abi Waqqas mengatakan, “Aku tidak pernah melihat orang yang lebih cepat memahami, yang lebih berpengetahuan dan lebih bagus hikmahnya daripada Abdullah bin Abbas. Aku perhatikan Umar memanggilnya untuk membincangkan satu masalah sukar bersama-sama ahli Badar dari Muhajirin dan Ansar. Apabila Ibnu Abbas bercakap, Umar tidak akan mengetepikan apa yang dikatakannya.” Semasa zaman pemerintahan Saidina Ali, Abdullah telah dilantik sebagai Gabenor Basrah.

Itulah Abdullah bin Abbas, orang yang berpengetahuan luas walaupun masih sangat muda. Jadikanlah beliau sebagai sumber inspirasi.

10 SENTIASA BERUSAHA

Sentiasalah berusaha dan kurangkan kebergantungan pada orang lain. Mengimbau kehidupan awal Rasulullah ﷺ, baginda lahir setelah bapanya meninggal dunia dan menjadi yatim piatu pada usia enam tahun apabila ibunya pula menyusul. Baginda kemudian dipelihara oleh datuknya. Ketika berusia lapan tahun, baginda dipelihara pula oleh bapa saudaranya, Abu Talib apabila datuknya meninggal dunia.

Pemergian ahli keluarga terdekat ini amat menyedihkan tetapi Rasulullah ﷺ tidak pernah meletakkan dirinya sebagai orang yang bernasib malang. Bahkan sejak kecil, baginda sentiasa berusaha bekerja sendiri, salah satunya menggembala kambing untuk mendapat upah. Abu Talib sendiri kagum melihat kegigihan anak saudaranya ini kerana baginda sangat berdikari, tidak meminta-minta, sentiasa berusaha dan sabar.

Pada usia 12 tahun, baginda mengikut rombongan peniagaan yang di sertai bapa saudaranya ke Syam. Dalam perjalanan, rombongan perniagaan itu berhenti rehat di Busra, Syam. Berhampiran tempat rehat itu terdapat sebuah gereja serta biara yang diketuai oleh seorang rahib bernama Buhaira. Buhaira ialah seorang paderi yang dihormati dan ulama yang berpengaruh. Apabila melihat rombongan itu tiba, beliau telah meminta ahli-ahli gereja itu menyiapkan jamuan lalu menjemput mereka makan.

Setiap tahun rombongan itu akan singgah di situ tetapi baru kali ini Buhaira menjemput mereka makan. Rupa-rupanya beliau sengaja berbuat demikian disebabkan oleh sekumpulan awan yang melindungi rombongan tersebut daripada terik matahari, yang tidak pernah terjadi sebelum ini. Fikirnya, mesti salah seorang ahli rombongan itu

seorang nabi. Lalu Buhaira menjemput kesemua ahli rombongan itu. Menyedari ketiadaan Rasulullah ﷺ, Buhaira berkata, "Wahai Quraisy! Datanglah kesemua kamu ke majlis ini, janganlah ada yang tidak hadir". Lalu mereka berkata, "Semua kami telah hadir kecuali seorang kanak-kanak. Dia terlalu muda untuk mengikut kami."

Buhaira lantas menyuruh mereka membawa Rasulullah ﷺ masuk, lalu mendudukkan baginda di sebelahnya dan melayan baginda dengan hormat. Buhaira menanyakan beberapa soalan kepada Rasulullah. Baginda menjawab setiap pertanyaan Buhaira dengan baik. Buhaira gembira dengan semua jawapan baginda, dan beliau benar-benar yakin bahawa Rasulullah ﷺ akan menjadi nabi akhir zaman.

Bagi mendapatkan kepastian, Buhaira bertanya kepada Abu Talib, "Siapakah anak ini kepada kamu?"

Abu Talib menjawab, "Dia anakku."

"Dia bukan anakmu, dan tidak mungkin dia mempunyai ayah."

"Dia ialah anak saudaraku."

"Di manakah ayahnya?"

"Ayahnya telah meninggal dunia, begitu juga ibunya."

Lalu Buhaira berpesan, "Bawalah anak saudaramu ini pulang dan hendaklah engkau mengawasinya daripada golongan Yahudi. Demi Allah, jika golongan itu melihatnya, mereka akan mengenalinya. Yahudi akan berbuat jahat terhadap anak saudaramu itu kerana anak saudaramu itu seorang utusan agung. Bersegeralah kamu membawanya pulang."

Tanpa membuang masa, Abu Talib membawa anak saudaranya pulang ke Mekah. Di Mekah, Rasulullah tidak pernah duduk diam dan sentiasa berusaha melakukan kerja yang boleh dilakukannya sendiri supaya

baginda tidak terlalu bergantung dan mengharapkan belas ihsan Abu Talib semata-mata.

Apabila usianya meningkat, baginda telah memulakan perniagaan bersama rakan kongsi bernama As-Sa'ib bin Abi As-Sa'ib. As-Saib seorang peniaga yang baik, jujur dan amanah. Perniagaan Rasulullah ﷺ berkembang pesat sehingga baginda dikenali di Yaman, Syam, Iraq dan pusat-pusat perniagaan lainnya di Jazirah (Semenanjung) Arab.

Ekspedisi perdagangan Rasulullah telah mencapai 17 negara ketika itu. Nama baginda telah menjadi buah mulut dalam kalangan peniaga di dalam dan di luar Mekah sebagai seorang peniaga yang boleh dipercayai. Bahkan baginda digelar al-Amin, iaitu orang yang amanah.

Cerita ini telah sampai kepada Khadijah, seorang pedagang wanita yang sangat kaya pada masa itu. Sifat amanah Rasulullah ﷺ telah menyebabkan Khadijah memberi kepercayaan kepada baginda untuk menguruskan barangan perniagaannya untuk diniagakan di Syam. Pada masa itu, usia baginda baru 24 tahun. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah ﷺ memang seorang usahawan yang luar biasa.

Berkenaan dengan perniagaan, Rasulullah ﷺ bersabda:

تِسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي التِّجَارَةِ

“Sembilan persepuluh dari rezeki terdapat pada perniagaan.” (Hadis Hasan Riwayat Said bin Manshur)

مَنْ بَاتَ كَالاً مِنْ طَلَبِ الْحَلَالِ بَاتَ مَغْفُوراً لَهُ.

“Siapa yang di malam hari keletihan kerana bekerja mencari rezeki yang halal di siang hari, maka pada malam hari itu ia mendapat ampunan”. (Hadis Sahih Imam Sayuthi)

Itulah contoh yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah ﷺ kepada umatnya. Sentiasalah berusaha dan tidak terlalu mengharapkan belas kasihan orang. Tauladanilah baginda yang gigih berusaha sejak kecil, yang tidak mudah lemah semangat dan sentiasa jujur dalam keadaan apa sekalipun.

11 BERDOALAH, ALLAH AKAN KABULKAN

Sentiasalah berdoa kerana Allah Maha Mendengar dan Maha Berkuasa serta Maha Pengasih dan Penyayang.

Allah berfirman:

أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

"Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu." (Ghafir: 60)

Doa ialah senjata orang-orang yang beriman di kala susah dan senang. Doa juga ialah ubat yang mujarab dan usaha untuk kita berlindung daripada segala bentuk kezaliman. Maka berdoalah, kerana Allah itu sangat dekat dan mendengar doa-doa kita serta memperkenankannya.

Firman-Nya:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku, maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku." (Al-Baqarah: 186)

Ketahuiilah, doa sangat penting kerana melaluinya kita dapat berhubung terus dengan Yang Maha Berkuasa. Ketika Nabi Musa

diperintahkan oleh Allah untuk berhadapan dengan Firaun, baginda sangat bimbang kerana tidak fasih berbicara walaupun baginda pernah menjadi anak angkat Firaun.

Tambahan pula, Nabi Musa pernah membunuh seorang Qibti (bangsa Firaun) yang menyebabkan baginda menjadi orang buruan. Dengan segala kelemahan yang ada di pihaknya, baginda berdoa:

قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي

وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي

وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي

يُقَفِّهُوا قَوْلِي ٢٨

*"Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, dadaku;
Dan mudahkanlah bagiku, tugasku;
Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku,
Supaya mereka faham perkataanku."
(Taha: 25-28)*

Doa ini membuatkan Nabi Musa berasa lebih yakin dan petah berbicara di depan Firaun.

Tidak lama selepas hijrah, orang-orang Mekah datang menyerang dengan kekuatan tentera sebanyak 1000 orang yang lengkap dengan senjata.

Di pihak Rasulullah ﷺ pula, hanya sebanyak 313 orang sahaja dengan senjata yang ala kadar. Dalam keadaan biasa, tentulah orang-orang Mekah mampu mengalahkan tentera Rasulullah dengan mudah.

Dalam keadaan genting ini, Rasulullah ﷺ memanjatkan doa berikut yang segera dikabulkan Allah:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ بِأَفْ مِنْ الْمَلَائِكَةِ
مُرْدِفِينَ وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِ قُلُوبُكُمْ ۚ وَمَا النَّصْرُ
إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

"Ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu, lalu diperkenankan-Nya bagimu, 'Sungguh, Aku (Allah) akan mendatangkan bala bantuan kepadamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut.' Dan tidaklah Allah menjadikannya melainkan sebagai khabar gembira agar hatimu menjadi tenteram kerananya. Dan, kemenangan itu hanyalah dari sisi Allah. Sungguh, Allah Maha Perkasa, Maha Bijaksana." (Al-Anfal: 9-10).

12 BERSYUKURLAH, NESCAYA ALLAH TAMBAHKAN LAGI REZEKI

Senantiasalah bersyukur dengan apa yang telah Allah berikan, nescaya akan Allah tambahkan lagi rezeki. Sebaliknya, jika ingkar, azab Allah sangat keras.

Allah berfirman:

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

"Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras." (Ibrahim: 7)

Rasulullah ﷺ dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., telah menceritakan mengenai tiga orang Bani Israel dengan pelbagai kelainan upaya. Orang yang pertama menderita penyakit leprosi (kusta), yang kedua berkepala botak dan yang ketiga bermata buta. Lalu Allah menguji mereka dengan mengutuskan seorang malaikat.

Malaikat itu datang kepada orang yang pertama lantas bertanya, "Apakah yang paling kamu inginkan?"

Ia menjawab, "Wajah yang tampan, kulit yang indah dan penyakit leprosi ini hilang daripada diriku."

Lalu malaikat pun mengusap kulit orang itu, maka hilanglah penyakitnya, wajahnya menjadi tampan dan kulitnya menjadi halus.

Malaikat kemudian bertanya lagi, “Kekayaan apakah yang paling kamu sukai?”

Ia menjawab, “Unta atau lembu.” Lalu ia diberikan seekor unta yang sedang mengandung dan didoakan agar Allah melimpahkan keberkahan-Nya melalui unta ini.

Kemudian malaikat menjumpai orang yang kedua pula dan menanyakan soal yang sama. Orang tersebut menginginkan rambut yang ikal dan dijauhkan daripada penyakit botak yang dialami.

Malaikat tersebut mengusap kepalanya lalu sembuhlah penyakitnya malahan diberikan rambut yang ikal. Malaikat itu bertanya lagi, “Harta apakah yang paling kamu inginkan?”

Ia menjawab, “Lembu atau unta.” Lalu ia diberikan seekor lembu yang sedang mengandung. Malaikat lantas berdoa agar Allah memberkatinya dengan lembu ini.

Seterusnya malaikat menemui orang ketiga dan menanyakan soal yang sama seperti kepada kedua-dua orang tadi. Orang buta itu menginginkan penglihatannya pulih dan boleh melihat. Permintaannya dikabulkan. Soal terakhir kepadanya juga adalah berkenaan harta yang paling diinginkan.

Ia menjawab, “Kambing.” Maka ia diberikan seekor kambing yang sedang mengandung untuk dijaga dan dipelihara.

Selepas beberapa ketika, unta, lembu dan kambing berkembang biak dengan cepat. Kini masing-masing memiliki satu lembah unta, satu lembah lembu dan satu lembah kambing.

Malaikat itu datang semula menemui ketiga-tiga orang tersebut dan menyamar menjadi orang yang menderita penyakit leprosi dan menemui orang pertama.

Malaikat itu berkata, “Aku orang miskin, telah terputus segala bekal dalam perjalananku ini. Aku tidak akan dapat meneruskan perjalananku hari ini kecuali dengan pertolongan Allah, kemudian dengan pertolongan kamu. Demi Allah yang telah memberi kamu rupa yang tampan, kulit yang halus dan kekayaan ini, aku minta kepadamu satu ekor unta saja sebagai bekal meneruskan perjalananku.”

Orang tersebut menolak permintaan malaikat dengan pelbagai alasan. Ia bahkan menegaskan bahwa unta-untanya adalah kekayaan turun-temurun daripada nenek moyangnya.

Setelah itu malaikat pergi menemui orang yang asalnya botak dengan penampilan yang serupa. Malaikat melakukan perkara yang sama seperti yang dilakukan kepada orang pertama. Layanannya juga sama dengan orang yang pertama. Ia menolak memberikan seekor lembu miliknya dengan pelbagai alasan juga.

Akhirnya malaikat mengunjungi orang yang ketiga dan menyamar sebagai orang buta. Ketika malaikat meminta seekor kambing miliknya, orang itu menjawab, “Sungguh aku dulunya buta, lalu Allah mengembalikan penglihatanku. Maka ambillah apa yang kamu suka, dan tinggalkanlah apa yang tidak kau suka. Demi Allah, aku tidak akan menyusahkan kamu dengan memintamu memulangkan apa yang telah kamu ambil semata-mata kerana Allah.”

Mendengar hal tersebut malaikat menjawab, “Peganglah hartamu. Aku hanya menguji kamu. Allah telah meredaimu dan memurkai kedua temanmu.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

13 BANYAKKAN BERSELAWAT

Banyak kelebihan berselawat. Maka berselawatlah sebanyak yang mungkin. Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi (Muhammad ﷺ); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.” (Al-Ahzab: 56)

Ada banyak kelebihan selawat, antaranya:

1. Menghapuskan keburukan dan meninggikan darjat.
Dalam satu hadis ada disebutkan, *“Siapa di antara umatmu yang berselawat kepadamu sekali, maka Allah menuliskan baginya sepuluh kebaikan, menghapuskan dari dirinya sepuluh keburukan, meninggikannya sebanyak sepuluh darjat, dan mengembalikan kepadanya sepuluh darjat pula.”* (Hadis Riwayat Ahmad)
2. Allah membalas selawatnya.
Rasulullah ﷺ juga bersabda, *“Siapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah akan berselawat untuknya sepuluh kali.”* (Muslim, Abu Dawud, Tirmidzi dan Nasa’i)
3. Dekat dengan Rasulullah pada hari kiamat.
Sabda Rasulullah ﷺ lagi, *“Manusia yang paling berhak bersamaku pada hari kiamat ialah yang paling banyak membaca selawat kepadaku.”* (Hadis Riwayat Tirmidzi)

4. Kunci doa dimakbulkan.

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Semua permohonan doa akan dihijab (terhalang) seinggalah dibacakan selawat ke atas Nabi Muhammad dan keluarga Nabi Muhammad ﷺ.”* (Hadis Riwayat Al-Thabrani)

5. Mendapat syafaat Rasulullah di akhirat.

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Sesiapa yang berselawat ke atasku pada waktu pagi sebanyak 10 kali dan pada waktu petang sebanyak 10 kali, dia akan mendapat syafaatku pada hari kiamat.”* (Hadis Riwayat Ath-Thabrani)

14 JANGAN MEMBAZIR

Kesan pembaziran amat buruk akibat pembuangan sumber-sumber atau bahan-bahan yang masih boleh digunakan. Pembaziran boleh melibatkan makanan, bahan mentah, sumber tenaga dan juga masa. Amalan ini mempunyai kesan negatif yang serius kepada diri kita, ekonomi, alam sekitar, dan masyarakat. Atas sebab itu, Allah menyifatkan pembazir ialah kawan syaitan.

Allah SWT telah melarang perbuatan membazir melalui firman-Nya:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

“Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu ialah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.” (Al-Isra’: 27)

Pada suatu hari, Rasulullah ﷺ berjalan dan lalu hampir dengan Saad yang sedang mengambil wuduk. Kemudian baginda bersabda, "Pembaziran jenis apakah ini, wahai Saad?"

"Dalam wuduk pun ada pembaziran?"

Rasulullah ﷺ menjawab, "Ya, walaupun kamu berwuduk dalam sungai yang sedang mengalir." (Hadis Riwayat Ibnu Majah dan Ahmad)

Jika ada barang yang boleh digunakan semula, manfaatkan dan jangan dibuang.

Jika boleh kurangkan penggunaan barang, kurangkan.

Jika ada barang yang boleh dikitar semula, kumpulkan dan serahkan kepada pihak yang boleh mengitarinya semula.

Lihatlah negeri yang banyak membazir seperti Greece. Negara ini mempunyai sejarah yang amat panjang. Peninggalan-peninggalan lama masih dapat dilihat sehingga ke hari ini dalam bentuk runtuh-runtuh bangunan besar. Inilah yang menjadi daya tarikan utama pelancong yang datang dari seluruh dunia.

Di samping itu, syarikat-syarikat perkapalannya amat maju dan memberikan sumbangan yang amat besar kepada ekonominya. Begitu juga dengan bidang pertanian dan telekomunikasi. Pertumbuhan ekonominya dari tahun 1950 hingga 1980 adalah yang tertinggi di Eropah. Situasi ini dianggap sebagai Keajaiban Ekonomi Greece. Ekonominya terus berkembang pesat sehingga tahun 2007 dengan kadar melebihi purata Eropah.

Malangnya apabila krisis ekonomi dunia melanda pada tahun 2008, ekonominya menguncup. Rakyat yang sudah biasa hidup senang dan suka bermewah masih membuat tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah walaupun dalam keadaan ekonomi yang meruncing itu. Akibatnya kerajaan Greece hampir muflis. Jika tidak diselamatkan oleh negara-negara Eropah lain, Greece sudah tentu jatuh muflis.

Lihat pula Nauru, sebuah negara kecil di lautan Pasifik dan telah mendapat kemerdekaan pada tahun 1968. Hasil utamanya ialah fosfat. Pada tahun 1970-an, Nauru adalah antara negara dengan pendapatan perkapita yang sangat tinggi. Produk Domestik Kasar (GDP) perkapita pada tahun 1970 ialah USD50,000 seorang. Sebagai perbandingan, pada tahun 2019, GDP perkapita Malaysia ialah USD11,392.

Permintaan fosfat meningkat untuk dijadikan baja pertanian. Kerajaan Nauru memberikan kebenaran untuk meningkatkan aktiviti

perlombongan. Tiada tindakan untuk berjimat daripada pihak kerajaan.

Pada tahun 80-an, bekalan fosfat mula berkurangan. Menjelang tahun 90-an, fosfat yang boleh dilombong dengan kos yang munasabah sangat sedikit sehingga kerajaan Nauru terpaksa berhutang untuk menanggung kehidupan rakyat yang biasa mewah.

Disebabkan hutang yang terlalu banyak, Nauru tidak mampu melangsaikan hutang lalu menyebabkan harta-harta kerajaannya di luar negara disita termasuklah kapal-kapal terbang milik syarikat penerbangan kerajaan . GDP yang begitu tinggi pada tahun 70-an dan 80-an jatuh mendadak kepada USD2,700 sahaja pada tahun 2007. Bagaikan jatuh ditimpa tangga, pendapatan merudum ditambah pula dengan kerosakan alam sekitar akibat aktiviti perlombongan.

15 BANYAKKAN BERSABAR

Sabar amat penting dalam kehidupan. Sifat sabar memberi ketenangan kepada diri kita dalam menghadapi apa juga keadaan, sama ada senang atau susah. Dengan sabar, kita mampu mengendalikan emosi dengan lebih baik dan senantiasa mencari penyelesaian terhadap apa jua masalah yang kita hadapi.

Banyak manfaatnya apabila bersabar. Antaranya diberi keampunan, rahmat dan petunjuk daripada Allah.

Allah berfirman:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ۝١٥٥
الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ۝١٥٦
أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ
١٥٧

"Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata "Inna lillahi wa inna ilaihi raji'un" (sesungguhnya kami milik Allah dan kepada-Nyalah kami kembali). Mereka itulah yang memperoleh ampunan dan rahmat dari Tuhannya, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk." (Al-Baqarah: 155 - 157).

Kesabaran juga menjadi syarat mendapat pahala tanpa batas.

Allah berfirman,

قُلْ يٰۤاَعْبَادِ اللّٰذِيْنَ ءَاٰمَنُوْا اَتَّقُوْا رَبَّكُمۡ ۗ لِلَّذِيْنَ اٰحْسَنُوْا فِيْ هٰذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ وَّاَرْضُ اللّٰهِ وٰسِعَةٌ ۗ اِنَّمَا يُؤَفِّقِي الصّٰبِرِيْنَ ۗ اَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ۙ ۱۰

Katakanlah, “Hai hamba-hamba-Ku yang beriman, bertakwalah kepada Tuhanmu”. Orang-orang yang berbuat baik di dunia ini memperoleh kebaikan. Dan bumi Allah itu adalah luas. Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.” (Al-Zumar: 10)

Dalam ayat lain, Allah menyifatkan sabar sebagai syarat kemenangan.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَاٰمَنُوْا اَصْبِرُوْا وَّصَابِرُوْا وَّرٰبِطُوْا وَاَتَّقُوا اللّٰهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu dan kuatkan kesabaranmu, dan tetaplah bersiap siaga, dan bertakwalah kepada Allah agar kamu memperoleh kemenangan.” (Ali Imran: 200)

Kesabaran juga menjadi perisai kepada gangguan daripada pihak yang tidak menyenangkan kita. Allah berfirman:

اِنْ تَمَسَسْتُمْ حَسَنَةً تَّسُوْهُمۡ وَاِنْ تُصِيبْكُمْ سَيِّئَةٌ يَّفْرَحُوْا بِهَا ۗ وَاِنْ تُصِيبُوْا وَّاَتَّقُوا لَّا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا ۗ اِنَّ اللّٰهَ بِمَا يَعْمَلُوْنَ مُحِيطٌ ۙ ۱۲۰

“Jika kamu memperoleh kebaikan (nescaya) mereka bersedih hati, tetapi jika kamu tertimpa bencana, mereka bergembira kerananya. Jika kamu bersabar dan bertakwa, tipu daya mereka tidak akan menyusahkanmu sedikitpun. Sungguh Allah meliputi segala apa yang mereka kerjakan.” (Ali Imran: 120)

Berkenaan kesabaran, Asiah isteri Firaun merupakan satu contoh manusia yang mempunyai kesabaran yang luar biasa. Asiah wanita yang beriman tetapi beliau terpaksa menyaksikan suaminya membunuh ribuan bayi Yahudi. Dia juga melihat kekejaman suaminya semasa memerintah Mesir. Dengan sabar, Asiah memelihara Nabi Musa sejak bayi dan sentiasa berdoa:

قَالَتْ رَبِّ ابْنِ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ وَنَجِّنِي مِنْ فِرْعَوْنَ
وَعَمَلِهِ وَنَجِّنِي مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ۝ ۱۱

“Ya Tuhanku, bangunlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Firaun dan perbuatannya dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim.” (Al-Tahrim: 11)

Nabi Ibrahim juga menunjukkan contoh kesabaran yang hebat. Baginda telah diusir dari rumah kerana keimanannya. Kemudian baginda dihumban ke dalam api. Setelah selamat, baginda diburu pula oleh Namrud. Apabila sudah berkeluarga di Palestin, baginda diperintahkan oleh Allah supaya membawa isteri dan anaknya yang masih kecil ke negeri yang tandus. Di sana baginda diperintahkan pula untuk menyembelih anaknya.

Selain Nabi Ibrahim, Nabi Musa juga diuji dengan dugaan yang tidak kurang hebatnya. Ketika masih muda, baginda telah diburu oleh Firaun kerana telah membunuh seorang Qibti. Selepas menyelamatkan diri

dan berkahwin dengan anak Nabi Syuib, baginda diperintahkan untuk menghadap Firaun untuk berdakwah dan membebaskan Bani Israel.

Dalam pada itu, baginda turut berhadapan ahli-ahli sihir handalan. Setelah baginda berjaya mengatasi ahli-ahli sihir itu, baginda bersama Bani Israel telah diburu sehingga mereka tidak dapat melarikan diri lagi akibat terhalang oleh Laut Merah. Namun Allah telah menyelamatkan mereka.

Selepas selamat daripada Firaun, Bani Israel membuat ulah (kerenah) lain pula apabila mengingkari arahan Nabi Musa sehinggalah mereka dapat melihat Allah. Mereka juga enggan masuk ke Palestin kerana tidak mahu berperang. Bahkan mereka membuat patung anak lembu lalu menyembahnya.

Kerenah Bani Israel ini telah menjengkelkan Nabi Musa lalu baginda berkata,

يَقَوْمِ لِمَ تُوذُونَنِي وَقَدْ تَعْلَمُونَ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ

“Wahai umatku, mengapa engkau menyakiti aku, sementara kamu tahu bahawa aku ialah utusan Allah bagimu?” (Al-Saff: 5)

16 MESTI ADA KELEBIHAN

Nabi Yusuf ialah orang Yahudi dari Palestin yang hidup dalam keluarga petani. Baginda sangat bertanggungjawab dan cekap melakukan kerja. Sikap ini menyebabkan bapanya, Nabi Yaakub, selalu mengamanahkan kerja-kerja yang penting kepada baginda.

Situasi ini telah menimbulkan kecemburuan dalam kalangan abang-abangnya. Dipendekkan cerita, mereka telah mengaturkan rancangan khianat yang mengakibatkan Nabi Yusuf dijual sebagai hamba di Mesir. Akan tetapi Nabi Yusuf mempunyai kelebihan yang nyata, bahkan melebihi orang-orang Qibti yang menguasai Mesir pada waktu itu. Baginda mempunyai kebolehan untuk mentafsirkan mimpi dan menjalankan kerja dengan cekap.

Dalam al-Quran ada disebutkan cerita Nabi Yusuf dengan Raja Mesir. Raja Mesir berkata:

"Sesungguhnya aku bermimpi melihat: tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum (yang hadir, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang yang pandai mentafsirkan mimpi." (Yusuf: 43)

Semua pembesar negara tidak dapat mentafsirkan mimpi sang raja. Namun salah seorang pegawai istana yang pernah bersama Nabi Yusuf semasa di penjara mengusulkan supaya Nabi Yusuf dipanggil kerana baginda pandai mentafsir mimpi. Akhirnya Nabi Yusuf dipanggil menghadap sang raja lalu mentafsirkan mimpi tersebut.

Nabi Yusuf menjawab: *"Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)."* (Yusuf: 47-48)

Raja mengiktiraf kebolehan Nabi Yusuf melaksanakan kerja dengan cemerlang lalu melantiknya menjadi orang kanan dalam kerajaan. Baginda ditugaskan untuk merancang pelan menyelamatkan Mesir apabila musim kemarau panjang tiba. Perhatikan, pelantikan Nabi Yusuf ke jawatan penting kerajaan adalah semata-mata kepada kelebihan yang telah dipamerkan oleh baginda. Tiada unsur lobi melobi dan tidak melibatkan bangsa dan kaum.

Perhatikan pula kisah Talut. Ketika Bani Israel memohon kepada Allah SWT untuk mendapatkan seorang raja yang boleh mengumpulkan kekuatan serta memimpin mereka, Allah SWT mewahyukan Talut dilantik sebagai raja.

Pada awalnya mereka membantah kerana Talut tidak berasal daripada keluarga bangsawan (keturunan kaya). Namun disebabkan pelantikan Talut adalah secara langsung dari Allah, maka mereka terpaksa menerimanya. Talut dipilih kerana kelebihanannya, iaitu berpengetahuan luas dan kuat tubuh badan.

Allah berfirman dalam al-Quran:

"Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka: "Bahawasanya Allah telah melantik Talut menjadi raja bagi kamu. Mereka menjawab: "Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan ia pula tidak

diberi keluasan harta kekayaan?" Nabi mereka berkata: "Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniaknya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan". Dan (ingatlah), Allah jualah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan pengurniaan-Nya), lagi meliputi ilmu-Nya." (Al-Baqarah: 247)

Talut telah berjaya memerintah dengan cemerlang dan menyatukan kekuatan Bani Israel. Atas sebab itu, mereka yakin berlawan dengan satu kerajaan yang gagah pada masa itu yang dipimpin oleh Jalut.

Jalut ialah seorang raja yang gagah dan bertubuh besar serta mempunyai ketumbukan tentera yang amat kuat pada masa itu. Namun pada akhirnya tentera Talut telah berjaya mengalahkan tentera Jalut setelah Nabi Daud (salah seorang tentera Talut) telah membunuh ketua mereka.

17 BERSIKAP BAIK KEPADA ORANG YANG TIDAK BERADAB

Sepanjang hidup, kita pasti berhadapan dengan orang yang suka bertindak kasar dan tidak sopan. Ada yang suka mengeji dan memburuk-burukkan kita, ada juga yang suka memperleceh kemampuan kita.

Orang-orang seperti ini boleh menyebabkan kita terpesong daripada matlamat asal yang telah kita tetapkan. Melayan mereka hanya membuang masa dan tenaga kita sahaja. Malah mungkin menyebabkan kita hilang pertimbangan lantas membuat tindakan yang merugikan. Oleh itu, abaikan mereka tetapi santuni mereka dengan sopan. Allah berfirman:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ
الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ٦٣

“Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredai-Nya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab menyapa mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat.” (Al-Furqan: 63)

Ketika Perang Khandak bermula, seperti kebiasaan, perang orang Arab pada masa itu bermula dengan satu lawan satu.

Dalam pasukan musyrikin Mekah, muncul Amr bin Abd Wad al-Amiri yang terkenal sebagai orang yang gagah perkasa dalam kalangan orang-orang Quraisy. Nabi bertanya kepada para sahabat, siapakah yang berani melawan Amr. Semua sahabat diam. Tiba-tiba Ali bin Abi Talib ke depan. Ali masih mentah pada masa itu, lalu Nabi bertanya

lagi sebanyak tiga kali. Tiada siapa yang berani kecuali Ali. Amr bin Abd Wad melihat Ali yang masih mentah itu tertawa mengejek.

Apabila perlawanan bermula, Ali dapat 'menebas' paha Amr lalu menyebabkannya tersungkur ke tanah. Ketika Ali hendak memenggal lehernya, Amr meludahi Ali di wajahnya. Tiba-tiba Ali berhenti dan tidak jadi membunuhnya pada ketika itu.

Sahabat bertanya Ali sebab beliau bertindak demikian. Jawabnya, "Ketika dia meludahiku, aku marah. Aku tidak ingin membunuhnya kerana kemarahanku. Aku tunggu sehingga kemarahanku reda, lalu aku membunuhnya semata-mata kerana Allah SWT."

Ketika Harun al-Rasyid menjadi khalifah, beliau didatangi seseorang yang menegurnya dengan bahasa kasar. Lelaki itu memanggilnya dengan nama sahaja, iaitu Harun.

Lantas Harun al-Rasyid menegur lelaki ini. Katanya, "Insaflah ketika kamu berbicara denganku".

Lelaki itu menjawab, "Itu merupakan panggilan yang paling layak buat kamu".

"Cuba beritahu padaku, adakah aku ini lebih jahat dan lebih keji atau Firaun lebih jahat?"

"Tentulah Firaun lebih jahat. Dia telah mengucapkan, "Aku Tuhanmu yang paling tinggi" serta "Aku tidak tahu adanya Tuhan buat kamu selain aku."

"Cuba beritahu padaku, siapakah yang lebih baik? Kamu atau Musa bin Imran?"

"Musa lebih baik. Dia merupakan kalimullah dan insan yang dipilih oleh Allah."

“Tidakkah kamu tahu bahawa Allah ketika mengutus Musa dan saudaranya (Harun) kepada Firaun, Dia berkata kepada keduanya, *“Maka hendaklah kamu berdua berkata kepadanya (Firaun) dengan ucapan yang lemah lembut, mudah-mudahan dia mendapat peringatan atau dia berasa takut.”* (Taha: 44)

Khalifah Al-Ma'mun juga pernah mengalami keadaan yang sama. Ketika berkunjung ke Bashrah, beliau bersolat Jumaat di sebuah masjid jamik di kota tersebut.

Tiba-tiba, khatib menyebut nama Al-Ma'mun dengan nada yang tidak sopan. Khatib tersebut menuduh kecurangan dan ketidakberesan khalifah dalam bahasa yang kasar.

Minggu berikutnya, beliau bersolat Jumaat di masjid lain. Khatibnya masih orang yang sama. Ia mengulangi caci maki dan kutukan-kutukannya kepada Khalifah Al-Ma'mun. Bahkan dalam doanya ia berkata, “Mudah-mudahan Khalifah yang sewenang-wenang ini dilaknat oleh Allah SWT.”

Lalu khalifah menjemput khatib itu ke istana. Khalifah Al-Ma'mun bertanya kepada khatib itu, “Agaknya, manakah yang lebih baik, Tuan atau Nabi Musa?”

Tanpa berfikir panjang, khatib itu menjawab, “Sudah tentu Nabi Musa lebih baik daripadaku. Tuan pun tahu, kan?”

“Ya, begitulah setahuku,” jawab Al-Ma'mun, lalu bertanya lagi.

“Lalu, siapa menurut pendapat Tuan yang lebih jahat, aku atau Firaun?”

Khatib itu lantas menjawab, “Pada pendapat saya, Firaun lebih jahat daripada Tuan.”

Khalifah Al-Ma'mun terus menegur, “Maaf, Tuan. Seingat saya, bagaimana pun jahatnya Firaun, sampai ia mengaku sebagai tuhan, dan bertindak kejam kepada umat Nabi Musa, bahkan telah membunuh dayang puterinya yang bernama Masyitah berserta anaknya, namun Nabi Musa a.s. tetap diperintahkan Allah SWT untuk berkata dengan lemah lembut kepada Firaun yang zalim itu. Boleh Tuan bacakan pada saya perintah Allah SWT yang dimuatkan dalam Al-Quran tersebut?”

Sang khatib pun membacakan surah Taha ayat 44,

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

"Maka berbicaralah kamu berdua (Musa dan Harun) kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut."

Semenjak itu khatib tersebut berkhotbah dengan gaya yang lebih baik dan menyentuh hati.

18 SAYANGI IBU BAPA

Sayangi ibu bapa dan jangan sekali-kali katakan “ah!”.

Allah berfirman:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ
عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٌ وَلَا تَنْهَرْهُمَا
وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau keduanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "ah", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).” (Al-Isra’ 17:23)

Cerita Juraij

Rasulullah ﷺ pernah menceritakan,

“Tidak ada bayi yang boleh berkata-kata dalam buaian kecuali Isa bin Maryam dan bayi yang membela Juraij.”

Lalu ada yang bertanya, “Wahai Rasulullah, siapakah Juraij?”

Baginda bersabda, "Juraij ialah seorang rahib yang berdiam diri di rumah ibadahnya (yang terletak di tanah tinggi)."

(Suatu ketika) datanglah ibu Juraij dan memanggil anaknya ketika ia sedang menunaikan solat, "Wahai Juraij."

Juraij lalu bertanya dalam hatinya, "Apakah aku harus memenuhi panggilan ibuku atau meneruskan solatku?" Lalu ia mengutamakan solatnya.

Ibunya lalu memanggil sekali lagi. Juraij bertanya lagi di dalam hati, "Ibuku atau solatku?" Sekali lagi ia mengutamakan solatnya.

Ibunya memanggil untuk kali ketiga. Juraij bertanya lagi dalam hatinya, "Ibuku atau solatku?" Ia tetap mengutamakan solatnya.

Kerana tidak menjawab panggilan tersebut, ibunya berkata, "Semoga Allah tidak mematkanmu, wahai Juraij, sampai wajahmu dipertontonkan di depan pelacur." Lalu ibunya pun pergi meninggalkannya.

Berhampiran tempat ibadah Juraij, ada seorang penggembala. Seorang pelacur telah menemui penggembala tadi lalu berlakulah perbuatan sumbang antara mereka. Pelacur tadi dibawa menghadap raja setelah melahirkan seorang anak.

Raja itupun bertanya kepada pelacur tersebut, "Hasil dari siapa (anak ini)?"

"Dari Juraij", jawabnya. Raja lalu bertanya lagi, "Apakah dia yang tinggal di rumah ibadah itu?" "Benar."

Lalu raja memerintahkan, "Hancurkan rumah ibadahnya dan bawa dia ke mari."

Setelah rumah ibadahnya dihancurkan, ia dibawa menghadap raja dengan tangannya diikat di leher dengan tali. Dalam perjalanan, Juraij melintas di hadapan sekumpulan pelacur. Ketika melihatnya, Juraij tersenyum dan para pelacur tersebut memerhati Juraij yang berada dalam khalayak ramai.

Raja lalu bertanya pada Juraij, "Siapakah ini menurutmu?"

Juraij bertanya kembali, "Siapa yang engkau maksudkan?"

Raja berkata, "Dia (wanita tadi) berkata bahawa anaknya adalah hasil hubungan denganmu."

Juraij lantas bertanya wanita tersebut, "Apakah engkau telah berkata begitu?"

"Benar."

Juraij lalu bertanya, "Di manakah bayi itu?"

Orang-orang di sekelilingnya menjawab, "(Itu) di pangkuan (ibu)nya."

Juraij lalu menemuinya dan bertanya pada bayi itu, "Siapa ayahmu?"

Bayi itu menjawab, "Ayahku si penggembala."

Lalu raja segera berkata, "Apakah perlu kami bina semula rumah ibadahmu dengan bahan daripada emas?" Juraij menjawab, "Tidak perlu".

"Ataukah daripada perak?"

"Jangan," jawab Juraij.

"Lalu daripada apa perlu kami bina semula rumah ibadahmu?", tanya raja.

Juraij menjawab sambil tersenyum, “Binalah seperti yang asal.”

Raja lalu bertanya, “Mengapakah engkau tersenyum?” Juraij menjawab, “Kerana suatu perkara yang telah aku ketahui, iaitu makbulnya doa ibuku terhadap diriku.”

Kemudian Juraij pun menceritakan peristiwa yang telah berlaku kepada mereka.” (Bukhari dan Muslim)

Cerita Uwais al-Qarni

Uwais al-Qarni ialah orang Yaman yang pernah hidup sezaman dengan Rasulullah ﷺ tetapi tidak pernah berjumpa baginda. Atas sebab itu, beliau tidak dipanggil sahabat tetapi tabiin. Beliau bukanlah orang kaya atau berasal daripada golongan bangsawan. Beliau juga bukanlah seorang yang berpengaruh atau terkenal. Namun beliau sangat istimewa sehingga Rasulullah menyebut-nyebut namanya di depan para sahabat.

Umar bin Khattab berkata, “Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: *“Sebaik-baik tabiin ialah seorang lelaki yang dipanggil Uwais, dia mempunyai seorang ibu, dan padanya terdapat tanda putih, maka suruhlah dia untuk memintakan ampun bagi kalian.”* (HR Muslim).

Disebabkan pesanan Rasulullah ﷺ ini, semasa menjadi khalifah, Umar bin Khattab bertanya mengenai Uwais setiap kali berjumpa rombongan dari Yaman. Akhirnya Umar dapat berjumpanya lalu bertanya, “Apakah kamu Uwais bin Amir?”

Uwais menjawab, “Ya betul, saya Uwais.”

“Kamu berasal dari Murad dan kemudian Qaran?”

“Ya betul.”

“Apakah kamu pernah diserang penyakit sopak lalu sembuh kecuali tinggal sebesar mata wang dirham pada dirimu?”

“Ya betul.”

“Apakah ibumu masih ada?”

“Ya, ibu saya masih ada.”

Saidina Umar bin Khattab berkata, “Hai Uwais, sesungguhnya aku pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, “Uwais bin Amir akan datang kepadamu bersama rombongan orang-orang Yaman yang berasal dari Murad kemudian dari Qaran. Ia pernah terserang penyakit kusta lalu sembuh kecuali tinggal sebesar wang dirham. Ibunya masih hidup dan dia selalu berbakti kepadanya. Kalau dia bersumpah atas nama Allah maka akan dikabulkan sumpahnya itu, maka jika kamu dapat memohon agar dia memohonkan ampunan untuk kalian, lakukanlah”. Oleh sebab itu wahai Uwais, mohonkanlah ampunan untukku.”

Lalu Uwais pun memohon keampunan untuk Saidina Umar bin Khattab.

Apakah keistimewaan Uwais sehingga Rasulullah ﷺ menyuruh sahabat-sahabat memintanya memohon keampunan untuk mereka?

Uwais al-Qarni adalah sosok yang istimewa bagi Rasulullah ﷺ. Uwais sendiri ialah seorang anak yang sangat berbakti kepada ibunya.

Beliau adalah seorang anak yatim yang hanya tinggal berdua dengan ibunya. Uwais sangat memuliakan ibunya dengan menjaga dan memenuhi keperluan ibunya dengan baik. Ibunya sudah tua dan ingin sangat menunaikan haji. Namun mereka miskin dan tidak cukup wang. Perjalanan dari Yaman ke Mekah pula sangat jauh.

Biasanya mereka yang berangkat menunaikan haji akan menaiki unta dan membawa banyak bekal kerana terpaksa melalui padang pasir yang panas. Uwais cuba mencari jalan yang membolehkan ibunya menunaikan haji.

Akhirnya, Uwais membeli seekor anak lembu dan kandang di puncak bukit. Setiap pagi, Uwais mendukung anak lembu itu naik dan turun bukit. Orang di sekitarnya melihat saja tindakan Uwais yang sangat pelik itu.

Setelah lapan bulan, berat anak lembu tersebut mencapai lebih kurang 100 kg. Bila tiba musim haji, Uwais merasa badannya sudah cukup kuat dan mampu mengangkat beban yang berat. Lalu Uwais mendukung ibunya dari Yaman ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji.

Di Mekah, Uwais mendukung ibunya ketika wukuf di Arafah dalam rukun-rukun haji yang lain. Di depan Kaabah, Uwais berdoa, "Ya Allah, ampunilah semua dosa ibuku."

Itulah keistimewaan Uwais sehingga Rasulullah ﷺ menyebut-nyebut namanya walaupun tidak pernah berjumpa. Bahkan Rasulullah memerintahkan para sahabat mencarinya.

19 SENTIASA MENJAGA KEIKHLASAN

Keikhlasan sangat penting dalam setiap perbuatan kita. Itulah antara syarat amal kita diterima Allah. Jika keikhlasan dicemari dengan kepentingan diri atau wujudnya ciri menunjuk-nunjuk, maka amalan itu sia-sia di sisi Allah. Dalam surah al-Asr, Allah berfirman:

وَالْعَصْرِ
إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ
إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا
بِالصَّبْرِ

“Demi masa!

Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian.

Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”

Dari Abu Hurairah r.a., Rasulullah ﷺ bersabda, “Ada seorang lelaki berkata, “Aku pasti akan bersedekah”. Lalu dia keluar dan menghulurkan sedekahnya. Malangnya sedekah tersebut sampai kepada seorang pencuri.

Keesokan paginya, orang ramai bercerita tentang sedekahnya kepada pencuri. Mendengarkan hal itu, lelaki itu berkata, “Ya Allah, segala puji bagi-Mu, aku pasti akan bersedekah lagi”.

Kemudian dia keluar lagi membawa sedekahnya. Malangnya sekali lagi sedekahnya sampai kepada seorang pelacur. Keesokan paginya, orang ramai bercerita pula tentang sedekahnya kepada seorang pelacur. Maka lelaki itu berkata lagi, “Ya Allah, segala puji bagi-Mu, aku pasti akan bersedekah lagi”.

Kemudian dia keluar lagi membawa sedekahnya lalu sampai kepada seorang kaya. Keesokan paginya, orang ramai bercerita perihal sedekahnya itu. Maka orang itu berkata, “Ya Allah, segala puji bagi-Mu, sedekahku kepada seorang pencuri, pelacur dan orang kaya”.

Setelah itu, lelaki itu bermimpi dan dikatakan padanya, “Sedekah kamu kepada pencuri itu, semoga dapat mencegahnya dari meneruskan perbuatan itu, sedekah kamu kepada pelacur, semoga dapat mencegahnya berterusan berbuat zina dan sedekah kamu kepada orang yang kaya, semoga dapat memberikan pelajaran baginya agar menginfakkan harta yang diberikan Allah kepadanya.” (Bukhari-Muslim)

Keikhlasan lelaki ini bersedekah telah memberi satu impak yang besar kerana ia dapat mengubah seorang pencuri supaya berhenti mencuri, seorang pelacur berhenti berzina dan seorang kaya bakhil mula berinfak.

Ibnu Al-Qayyim Al-Jauziyah pernah berkata, “Amal tanpa keikhlasan seperti musafir yang mengisi penuh poketnya dengan kerikil kecil. Berat tetapi tidak bermanfaat sedikitpun.”

Al-Fudhail bin Iyadh mengatakan, “Meninggalkan suatu amalan kerana manusia adalah riyak, manakala mengerjakan suatu amalan kerana

manusia adalah syirik (syirik kecil). Yang disebut ikhlas adalah jika Allah berkehendak menyelamatkanmu daripada keduanya.”

20 HORMATI YANG LEBIH TUA DAN SAYANGI YANG LEBIH MUDA

Kita berada dalam masyarakat dan keluarga yang terdiri daripada golongan tua dan juga muda.

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Barang siapa yang tidak menyayangi orang yang lebih muda di antara kami dan tidak mengerti hak orang yang lebih tua, maka dia bukan termasuk golongan kami.”* (Bukhari)

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Bukan termasuk golongan kami orang yang tidak menyayangi yang lebih muda dan tidak menghormati yang lebih tua.”* (Tirmidzi)

Dalam ketika yang lain, Rasulullah ﷺ bersabda, *“Wahai Anas, hormati yang lebih tua dan sayangi yang lebih muda, maka kau akan menemaniku di syurga.”* (Hadis Riwayat Baihaqi)

Suatu hari Rasulullah ﷺ bertanya, *“Beritahuku berkenaan suatu pohon yang menyerupai seorang Muslim. Pohon tersebut mengeluarkan buahnya setiap waktu dan tidak menggugurkan daunnya dengan seizin Rabbnya.”*

Abdullah bin Umar berkata, *“Dalam fikiranku terbayang bahawa itu adalah pohon kurma, namun aku enggan untuk bercakap kerana di sana ada Abu Bakr dan Umar.”*

Apabila Abu Bakr dan Umar tidak menjawab maka Rasulullah ﷺ pun memberikan jawapan, *“Itu adalah pohon kurma.”*

Ketika Abdullah bin Umar keluar dari majlis bersama ayahnya dia pun berkata, “Wahai ayahku, tadi aku terfikir bahawa itu adalah pohon kurma.”

Umar berkata, “Apa yang menghalangimu untuk menjawab? Seandainya engkau menjawab, maka yang demikian ini lebih aku senangi daripada ini dan itu.”

Abdullah bin Umar berkata, “Tidak ada yang menghalangiku untuk menjawab melainkan kerana engkau dan Abu Bakr tidak bercakap sehingga aku pun enggan untuk bercakap.” (Bukhari)

Hadis ini menunjukkan orang muda boleh bercakap di hadapan yang lebih tua jika mereka memiliki pengetahuan dan yang lebih tua tidak dapat memberi jawapan.

21 BERWAWASAN DAN BERCITA-CITA TINGGI

Rasulullah ﷺ merupakan contoh tokoh yang berwawasan. Ketika di Mekah, Rasulullah ﷺ dan sahabat-sahabat berhadapan penentangan yang kuat terutama selepas Abu Talib dan Khadijah meninggal dunia.

Mereka diboikot sehingga amat sukar mendapatkan bekalan makanan dan ada juga yang diseksa. Lalu seorang sahabat, Khabbab bin al-Art memohon kepada Rasulullah ﷺ supaya berdoa kepada Allah SWT agar melepaskan mereka daripada kesukaran itu.

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Sesungguhnya sebelum daripada kamu, diambil lelaki lalu digali baginya lubang kemudian dihumbankan dia ke dalamnya. Terdapat juga yang didatangkan padanya dengan gergaji lalu gergaji tersebut diletakkan di kepalanya, kemudian digergaji kepala tersebut sehingga terbelah kepada dua. Ada juga yang dicakar dengan cakaran besi sehingga memisahkan daging dan tulangnya. Ini semua tidak membuat mereka berpaling daripada agamanya (Islam). Demi Allah, akan sempurna perkara ini (Islam) sehingga seseorang pengembara itu mampu berjalan dari San’a hingga ke Hadharalmaut dan dia tidak takut melainkan Allah SWT dan tidak risau serigala akan menerkam kambingnya. Akan tetapi kamu tergesa-gesa (inginkan kemenangan atau hasil).”* (Bukhari)

Walaupun dalam keadaan yang amat tertekan, tambahan pula bilangan mereka yang amat sedikit, Rasulullah ﷺ telah memberi gambaran bahawa Islam akan berkuasa dan tiada lagi penjahat-penjahat atau perompak bahkan tiada lagi gangguan serigala. Keadaan ini benar-benar terjadi sebelum kewafatan Rasulullah ﷺ.

Apabila Rasulullah ﷺ dapat melepaskan diri daripada kepungan orang-orang Quraisy, mereka segera mengeluarkan surat pekeliling untuk memberi ganjaran 100 ekor unta bagi siapa yang dapat menangkap Rasulullah ﷺ secara hidup atau mati.

Lantas mereka keluar beramai-ramai memburu Rasulullah ﷺ, antaranya ialah Suraqah bin Malik. Dengan kemahirannya di padang pasir, Suraqah tidak mengambil masa yang lama untuk mengekori Rasulullah ﷺ, tetapi setiap kali ia hampir, kudanya pasti tersungkur.

Disebabkan gagal mendekat setelah beberapa kali, Suraqah pun memanggil Rasulullah ﷺ dan menceritakan apa yang terjadi di Mekah beserta tujuan asal kedatangannya.

Lalu Rasulullah ﷺ berkata, “Bagaimanakah engkau apabila memakai dua gelang milik Kisra?” (Bukhari, Muslim)

Inilah wawasan Rasulullah ﷺ. Dalam keadaan sedang diburu, baginda telah menggambarkan bahawa kerajaan Parsi yang begitu gagah pada masa itu akan jatuh ke tangan tentera Islam. Wawasan ini menjadi kenyataan ketika Umar menjadi khalifah.

Apabila tentera Islam dapat menawan Parsi, semua simbol kebesarannya dihantar ke Madinah. Lalu Umar memanggil Suraqah dan memakaikannya gelang, tali pinggang serta mahkota Kisra.

Pada tahun kelima hijrah, orang-orang Arab kafir telah bersekutu dan mengumpulkan 10,000 orang tentera untuk menghancurkan Madinah yang menjadi pusat pemerintahan Islam. Jumlah ini amat besar pada

masa itu. Belum pernah lagi orang Arab dapat mengumpulkan tentera yang sebegitu ramai.

Selepas bermesyuarat, Rasulullah ﷺ bersama umat Islam menggali parit di bahagian jalan masuk ke Madinah untuk menghalang kemaraan tentera bersekutu itu. Masanya amat singkat kerana tentera bersekutu itu telah mula berjalan menuju Madinah.

Tanah yang perlu digali pula amat keras, bukan seperti tanah di Tanah Melayu. Bilangan umat Islam pada masa itu masih kecil dan hanya tertumpu di Madinah. Berbanding kerajaan Parsi, kerajaan Rom di Syam dan kerajaan di Yaman, Madinah adalah amat kecil. Namun dalam keadaan itu Rasulullah ﷺ tetap berusaha dan yakin.

Ketika menggali parit itu, para sahabat melihat sebuah batu besar yang tidak mampu mereka pecahkan. Maka Rasulullah ﷺ mula memukul batu tersebut dengan lafaz “Bismillah.” Pukulan tersebut berhasil menghancurkan sepertiganya. Baginda lalu mengucapkan, “Allahuakbar! Aku telah diberi kunci-kunci Syam. Demi Allah, sekarang aku melihat istananya yang merah.”

Baginda kemudian melanjutkan dengan pukulan kedua. Kali ini baginda juga berhasil menghancurkan sepertiga berikutnya dan mengucapkan, “Allahuakbar! Aku telah di beri kunci-kunci Parsi. Demi Allah! Aku melihat istananya yang putih.”

Baginda seterusnya meneruskan dengan pukulan ketiga dan akhirnya batu yang tersisa berhasil dipecahkan. Selesai pukulan ketiga, baginda mengucapkan, “Allahuakbar! Aku telah di beri kunci-kunci Yaman. Demi Allah aku melihat pintu-pintu San’a dari tempatku ini.” (Imam Ahmad)

Dalam ketika yang lain, Rasulullah ﷺ bersabda,
“Kerajaan Parsi akan hancur, dan takkan ada lagi Raja Parsi setelahnya. Kerajaan Rom juga akan hancur, dan takkan ada lagi Raja Rom setelahnya. Kalian akan membahagi harta simpanan mereka di jalan Allah. Kerana itu, perang adalah tipu daya.” (Bukhari dan Muslim)

Kerajaan Parsi telah hancur di tangan tentera Islam semasa zaman pemerintahan Saidina Umar manakala sebahagian wilayah Rom, iaitu Syam juga jatuh ke tangan tentera Islam pada zaman itu juga. Keseluruhan kerajaan Rom-Byzantine akhirnya telah ditawan oleh Muhammad al-Fateh pada 29 Mei 1453, lebih kurang 830 tahun selepas kewafatan Rasulullah ﷺ.

22 BANYAKKAN SEDEKAH DAN INFAK

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Bersegeralah bersedekah, sebab bencana tidak pernah mendahului sedekah. Belilah semua kesusahanmu dengan sedekah. Ubatilah penyakitmu dengan sedekah. Sedekah itu sesuatu yang ajaib. Sedekah menolak 70 macam bala dan bencana, dan yang paling kecil ialah penyakit kusta dan sopak.”* (Hadis Riwayat Baihaqi dan Thabrani).

Itulah kehebatan sedekah. Secara ringkas, sedekah adalah pemberian secara spontan sama ada dalam bentuk wang, pertolongan, senyuman dan apa sahaja perkara yang baik. Infak pula merupakan pemberian wang atau harta. Sedekah dan infak adalah amalan yang dipuji oleh Tuhan pencipta alam.

Masyarakat akan lebih aman damai jika banyak yang suka bersedekah. Masyarakat juga hidup lebih harmoni apabila banyak yang murah memberikan senyuman.

Pemberian sedekah dan infak juga akan membuka pintu rezeki kepada pemberi. Menahan infak boleh membawa kepada kebinasaan. Allah SWT berfirman:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ مَا أَنفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ^س وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ

“Katakanlah, “Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan bagi (siapa yang dikehendaki-Nya)”. Dan apa saja yang

kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantinya dan Dialah Pemberi rezeki yang sebaik-baiknya.” (Saba’: 39)

Rasulullah ﷺ pula bersabda,

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ، إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ، فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا، وَيَقُولُ الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا

“Tidak ada suatu hari pun ketika seorang hamba melalui subuhnya kecuali akan turun dua malaikat kepadanya, lalu salah satunya berdoa; Ya Allah, berikanlah pengganti bagi siapa yang menginfakkan hartanya. Sedangkan yang satunya lagi berdoa; Ya Allah, berikanlah kehancuran (kebinasaan) kepada orang yang menahan hartanya.” (Bukhari)

Ketika sedekah dan infak boleh mengelakkan bencana dan menambahkan rezeki, menahannya pula boleh menyebabkan kehancuran dalam masyarakat. Pada peringkat kerajaan, amalan ini perlu digalakkan. Bersedekahlah dan jadikanlah sebagai amalan harian walaupun sekadar seringgit dua.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ ۗ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ۚ ۲۶۷

“Wahai orang-orang yang beriman! Infakkanlah sebahagian hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untukmu. Janganlah kamu memilih yang buruk untuk kamu keluarkan, padahal kamu sendiri tidak mahu

mengambilnya melainkan dengan memejamkan mata (enggan) terhadapnya. Dan ketahuilah bahwa Allah Maha Kaya, Maha Terpuji.” (Al-Baqarah: 267)

Infak atau derma bukan sahaja penting untuk membela fakir miskin tetapi juga untuk membangunkan dan mempertahankan sesebuah negara. Ketika mendapat berita yang kerajaan Byzantine sedang bersedia untuk menyerang Madinah, Rasulullah ﷺ segera membuat kerahan tenaga untuk pergi dan bertahan di sempadan, iaitu di Tabuk. Jaraknya dari Madinah hampir 700 km. Ini adalah kali pertama Madinah berhadapan dengan sebuah kuasa besar dan tentera yang kuat; yang dipimpin sendiri oleh rajanya yang terkenal, iaitu Heraclius.

Dalam masa yang amat singkat, senjata dan dana yang besar perlu segera dikumpulkan. Pada ketika ini, Usman bin Affan menginfakkan sebanyak 1000 dinar (lebih kurang RM1.2 juta), senjata untuk 10,000 orang tentera, 1000 ekor unta dan 50 ekor kuda.

Abu Bakar pula menginfakkan seluruh hartanya yang bernilai lebih kurang 4000 dinar. Umar bin Khattab menginfakkan separuh daripada hartanya. Abdul Rahman bin Auf menginfakkan 500 ekor kuda, 1500 ekor unta dan 200 tahil emas (200 tahil = RM2 juta). Sahabat-sahabat lain turut menginfak harta mereka untuk tujuan peperangan ini.

Bersedekahlah setiap hari kepada fakir miskin, untuk pembinaan masjid dan sekolah agama, untuk tujuan dakwah dan apa saja di jalan Allah. Ia merupakan pelaburan yang tidak akan rugi, bahkan berpanjangan melampaui umur kita jika ia berupa sedekah jariah.

23 PERBANYAKKAN MEMBACA AL-QURAN

Al-Quran datang dari Allah, bukan hasil tulisan manusia. Bacalah sebanyak yang mungkin kerana manfaatnya tidak terkira. Antara kebaikannya adalah:

1. Mendapat pahala berlipat kali ganda daripada Allah.

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Siapa saja membaca satu huruf dari Kitabullah (al-Quran), maka dia akan mendapat satu kebaikan. Sedangkan satu kebaikan dilipatkan kepada sepuluh semisalnya. Aku tidak mengatakan alif lam mim satu huruf. Akan tetapi, alif satu huruf, lam satu huruf, dan mim satu huruf.”* (Hadis Riwayat At-Tirmidzi).

Rasulullah ﷺ juga bersabda *“Allah SWT berfirman, “Siapa menyibukkan diri untuk membaca al-Quran sehingga lupa untuk berdoa dan memohon kepada-Ku, Aku memberinya pahala yang lebih utama daripada pahala orang-orang yang bersyukur.”* (At-Tirmidzi)

2. Mendapat rahmat dan ketenteraman.

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Tidaklah suatu kaum berkumpul di salah satu rumah Allah, mereka membaca al-Quran dan mempelajarinya, kecuali turun kepada mereka ketenteraman, mereka diliputi dengan rahmat, malaikat menaungi mereka dan Allah menyebut-nyebut mereka pada makhluk yang ada di sisi-Nya.”* (Hadis Riwayat Muslim)

3. Menjadi penawar kepada penyakit.

وَنُزِّلُ مِنَ الْفُرْقَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَلَا يَزِيدُ
الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

“Dan Kami turunkan dari Al-Quran (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman, sedangkan bagi orang yang zalim (al-Quran itu) hanya akan menambah kerugian.” (Al-Isra’: 82)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي
الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

“Hai manusia, telah datang kepadamu kitab yang berisi pelajaran dari Tuhanmu dan sebagai ubat penyembuh jiwa, sebagai petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.” (Yunus: 57)

Rasulullah ﷺ bersabda *“Hendaklah kamu menggunakan kedua ubat-ubat: madu dan al-Quran.” (Ibnu Majjah)*

5. Mendapat syafaat di akhirat.

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Bacalah al-Quran kerana ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada para ahlinya.” (Muslim)*

Rasulullah ﷺ juga bersabda, *“Puasa dan al-Quran kedua-duanya akan memberikan syafaat kepada seorang hamba pada hari kiamat.” (Ahmad)*

6. Menjadi keluarga Allah.

Rasulullah ﷺ bersabda, *“Sesungguhnya Allah mempunyai keluarga dari kalangan manusia.” Sahabat bertanya, “Siapa mereka wahai Rasulullah?”.* Rasulullah ﷺ menjawab, *“Mereka adalah ahlul Quran, mereka adalah keluarga Allah dan orang-orang khusus-Nya.”* (Ahmad dan Ibnu Majah)

Begitu banyak faedah membaca al-Quran, maka bacalah sebanyak yang mungkin. Pada ulama dahulu membaca al-Quran setiap hari sehingga khatam setiap minggu. Dalam bulan Ramadan mereka khatam setiap hari, dua hari sekali atau tiga hari sekali. Ini tidak termasuk bacaan al-Quran ketika solat.

Di samping membaca al-Quran dari surah pertama, al-Fatihah, hingga ke surah akhir, an-Nas, bacalah juga surah-surah dan ayat-ayat tertentu dalam al-Quran pada masa-masa yang sesuai. Contohnya surah al-Mulk setiap malam, surah al-Kahfi setiap hari Jumaat.

24 MENAHAN MARAH DAN JANGAN BERDENDAM

Marah yang keterlaluan boleh merosakkan diri, orang lain dan juga masyarakat. Rasulullah ﷺ telah bersabda,

“Orang kuat itu bukanlah orang yang kuat bergusti, akan tetapi orang kuat adalah orang yang dapat menahan dirinya ketika marah.” (Bukhari)

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa seorang lelaki berkata kepada Rasulullah ﷺ, “Sampaikanlah pesan kepadaku.”

Baginda menjawab, “Jangan marah.”

Kemudian lelaki tersebut mengulangi perkataannya. Rasulullah ﷺ tetap berkata, “Jangan marah.” (Bukhari)

Daripada ‘Aṭīyah r.a., Rasulullah ﷺ bersabda, *“Sesungguhnya marah itu daripada syaitan, dan syaitan diciptakan daripada api neraka, dan api akan dipadam dengan air. Maka, jika salah seorang daripada kamu marah hendaklah berwuduk.”* (Abu Dawud)

Marah adalah sifat semula jadi yang ada pada manusia. Bahkan kita perlu marah apabila Islam dipersendakan. Jika marah disebabkan hal yang selain itu, kita perlu berusaha meredakan kemarahan kita.

Rasulullah ﷺ telah memberikan panduan berikut:

1. Duduk jika sedang berdiri, berbaring jika sedang duduk.

“Apabila salah seorang daripada kamu marah sewaktu sedang berdiri, hendaklah dia duduk. Jika kemarahannya hilang, maka itu baik. Jika tidak, hendaklah dia berbaring.” (Abu Daud)

2. Mengambil wuduk.

“Sesungguhnya kemarahan itu datang daripada syaitan, dan syaitan itu dicipta daripada api, dan api hanya dapat dipadamkan dengan air. Maka jika salah seorang daripada kalian berasa marah, hendaklah dia berwuduk.” (Abu Daud)

3. Mengelak daripada membuat sebarang keputusan besar.

“Tidak boleh seseorang itu menghakimi antara dua orang dalam keadaan marah.” (Muslim)

Umar bin Abdul Aziz merupakan seorang khalifah yang memerintah sebuah kerajaan yang sangat besar dan terkenal dengan kewarakan dan kesabarannya.

Pada suatu hari, seseorang telah membuatnya marah. Lalu beliau berkata kepada orang itu, "Jika engkau tidak membuat kumarah, nescaya sudah kujatuhkan hukuman."

Beliau berkata demikian setelah teringat firman Allah:

وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ

“Dan mereka yang dapat menahan marah.” (Ali Imran: 134).

Suatu hari yang lain, Umar bin Abdul Aziz terserempak pula dengan seorang yang mabuk. Beliau hendak menangkap dan menghukumnya. Tiba-tiba pemabuk itu memaki hamun. Lalu Umar membatalkan niatnya untuk menghukum orang itu.

Ketika ditanya, "Ya Amirul Mukminin, kenapa setelah ia memakimu, tiba-tiba kau pergi?" Umar menjawab, "Kerana ia telah menyebabkan

aku marah. Jika kuhukum mungkin kerana kemarahanku dan aku tidak suka menghukum orang kepinganku".

Jika marah datang secara spontan, dendam pula rasa marah yang terpendam yang dibalas kepada orang yang menyebabkan marah itu pada kemudian hari. Dendam yang tidak berkesudahan boleh merosakkan diri dan menyebabkan perbalahan berpanjangan.

Rasulullah ﷺ telah bersabda, *"Orang yang paling dibenci Allah adalah orang yang menaruh dendam kesumat."* (Muslim)

Cara yang paling baik untuk mengelakkan dendam adalah dengan membalas kejahatan orang dengan kebaikan. Allah SWT berfirman:

أَدْفَعْ بِأَلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ

"Tolaklah (kejahatan) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib." (Fussilat: 34)

Daripada berdendam, lebih baik memaafkan. Allah SWT berfirman:

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

"Dan balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim". (Al-Syura: 40)

25 MENYAMBUNG SILATURAHIM

Silaturahmi, iaitu hubungan persaudaraan atau persahabatan perlu dijaga, dipelihara dan disemarakkan. Allah SWT berfirman,

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ
رَقِيبًا

“Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahmi) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.” (Al-Nisa':1)

Rasulullah ﷺ pula bersabda, *“Siapa ingin dilapangkan rezekinya dan ditambah umurnya, maka hendaklah menjalin silaturahmi.” (Bukhari)*

Rasulullah ﷺ turut bersabda, *“Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaknya ia memuliakan tamunya, dan siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaknya ia menyambung tali silaturahmi, dan siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaknya ia berkata baik atau diam.” (Bukhari).*

Jangan sekali-kali memutuskan hubungan silaturahmi kerana Rasulullah ﷺ bersabda:

“Setelah Allah menciptakan semua makhluk, maka rahim pun berkata; “Inikah tempat bagi yang berlindung dari terputusnya silaturahmi?” Allah menjawab, “Benar. Tidakkah kamu rela bahawa Aku akan menyambung orang yang menyambungmu dan memutuskan yang memutuskanmu?”

Rahim menjawab, *“Tentu, wahai Tuhan”.*

Allah berfirman, "Itulah yang kamu miliki."

Setelah itu Rasulullah ﷺ bersabda: 'Jika kamu mahu, maka bacalah ayat berikut ini:

فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ تَوَلَّيْتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقَطِّعُوا أَرْحَامَكُمْ

"Maka apakah kiranya jika kamu berkuasa kamu akan berbuat kerosakan di muka bumi dan memutuskan hubungan kekeluargaan?"
(Muhammad: 22) (Bukhari)

Allah berfirman:

"Aku adalah Maha Pengasih dan ia adalah Rahim, nama itu diambil dari bahagian nama-Ku, siapa yang menyambunginya, maka Aku memberikan rahmat-Ku kepadanya, dan siapa yang memutuskannya, maka Aku memutuskan rahmat-Ku darinya." (Abu Dawud).



**Kasih ibu sepanjang jalan,
Kasih anak sepanjang galah.**

**Seorang ibu boleh menjaga 10 orang anak,
10 orang anak belum tentu boleh menjaga
seorang ibu.**

ISBN 978-629-97565-1-4



9 786299 756514